



**ILMU**

**KAWAD KAKI**

---

# **ILMU KAWAD KAKI**

## **KAWAD UNTUK SEMUA PASUKAN**

---

Disusun oleh :  
Faizal bin Abd Rahim



---

## ISI KANDUNGAN

### KAWAD UNTUK SEMUA PASUKAN

---

#### PENDAHULUAN

---

- Petua Untuk Jurulatih Kawad ii
- Pemeriksaan Skwad xi

#### BAB 01

---

##### KAWAD SKUAD SEMASA BERHENTI - TANPA SENJATA

- 1 • Sedia 3
- 2 • Senang Diri 4
- 3 • Rehatkan Diri 6
- 4 • Berbaris Dalam Tiga Barisan 7
- 5 • Meluruskan Barisan 9
- 6 • Nombor Dan Nyatakan 10
- 7 • Buka Dan Tutup Barisan 12
- 8 • Masuk Berbaris 15
- 9 • Berpusing Dan Berpusing Separuh 20
- 10 • Bersurai dan Keluar Baris 23



## **BAB 02**

---

### **BERJALAN**

12 • Berjalan Dan Berhenti Dalam Masa Cepat	31
13 • Berjalan Dan Berhenti Dalam Masa Perlahan	34
14 • Langkah Pendek Dan Langkah Panjang	37
15 • Langkah Ke Hadapan Dan Ke Belakang	39
16 • Langkah Ke Sebelah	41
17 • Membelok	43
18 • Berpusing Dan Berjalan Menyerong Dalam Masa Perlahan	44
19 • Berpusing Dan Berjalan Menyerong Dalam Masa Cepat	50
20 • Hentak Kaki Berhenti Maju Dalam Masa Perlahan Dan Cepat	56
21 • Tukar Langkah Masa Perlahan Dan Cepat	62
22 • Berlari, Hentak Kaki Dan Berhenti	65
23 • Tukar Langkah Perlahan Cepat Dan Berlari	68

## **BAB 03**

---

### **BERJALAN DALAM BARISAN DAN MENUKAR ARAH**

24 • Berjalan Barisan Melintang Dalam Masa Perlahan	74
25 • Buka Dan Tutup Barisan	77
26 • Tukar Haluan Dalam Berhenti Dan Masa Berjalan	80
27 • Membelok Dalam Barisan Perlahan Jalan	83



- 28 • Tukar Haluan Ke Kiri Dalam Masa Cepat 85

## **BAB 04**

---

### **JADIKAN SKUAD**

- 29 • Jadikan Skuad Daripada Berhanti Dalam Masa Perlahan 90  
30 • Jadikan Skuad Masa Perlahan Jalan 92  
31 • Jadikan Skuad Dalam Masa Cepat Jalan 95

## **BAB 05**

---

### **JADIKAN DUA BARISAN**

- 32 • Jadikan Dua Barisan Dari Tiga Barisan 100  
33 • Jadikan Tiga Barisan Dari Dua Barisan 103  
34 • Berjalan Dalam Satu Barisan 108

## **BAB 06**

---

### **HORMAT**

- 35 • Memberi Hormat Masa Berhenti 116  
36 • Hormat Ke Kiri Dan Ke Kanan Semasa Berjalan 120  
37 • Memberi Hormat Semasa Tidak Memakai pakaian Kepala Dan Memakai Pakaian Biasa Dll. 124  
38 • Memberi Hormat Dengan Senjata RIS 126  
39 • Memberi Hormat Dengan Tongkat 127



40 •	Adat-adat Dan Pelbagai Hal Angkatan Tentera Malaysia	128
41 •	Pandang Kanan Dan Kiri	133
42 •	Menghormat Panji-panji	135

## **BAB 07**

### **KAWAD TONGKAT**

43 •	Sedia	
44 •	Senang Diri	
45 •	Rehatkan Diri	
46 •	Sedia Dari Senang Diri	
47 •	Kepit Tongkat Dari Rusuk Tongkat	
48 •	Rusuk Tongkat Dari Kepit Tongkat	
49 •	Bimbit Tongkat Dari Rusuk Tongkat	
50 •	Kepit Tongkat Dari Rusuk Tongkat	
51 •	Bimbit Tongkat Dari Rusuk Tongkat	
52 •	Rusuk Tongkat Dari Bimbit Tongkat	
53 •	Berjalan Dan Berhenti Tongkat Dalam Rusuk	
54 •	Berjalan Tongkat Dalam Keadaan Bimbit dari Rusuk Tongkat Dan Berhenti Tongkat Sampai Kedudukan Rusuk Tongkat	
55 •	Berjalan Tongkat Dalam Keadaan Bimbit Dari Kepit Tongkat Sampai Kedudukan Kepit Semula	
56 •	Ke Hadapan Hormat Masa Berhenti Sama Ada Tongkat Dari Rusuk Atau Bimbit	
57 •	Ke Hadapan Hormat Semasa Cepat Jalan	



- 58 • Bersurai Dan Keluar Baris
- 59 • Hormat Ke Kanan / Ke Kiri Masa Cepat Jalan



## PENDAHULUAN







## PETUA UNTUK JURULATIH KAWAD

### BERKAWAD.

- Membentuk setiap anggota supaya bermegah dengan tatatertib, cergas dan taat setia.
- Membentuk kerjasama dalam satu kumpulan.

### Berkawad.

- Berkawad adalah asas untuk membentuk tatatertib dalam pasukan tentera. Asas dan tatatertib semasa peperangan adalah berdasarkan kepada kawad yang diperbaiki berkali-kali. Kebiasaannya apabila kejayaan tercapai tak kira di mana tempatnya, maka upacara perbarisan akan dilaksanakan demi kepentingan untuk menyatukan semua anggota sebagai satu keluarga.
- Berkawad sangat-sangat dikehendaki di dalam tentera, bukanlah sebagai satu hukuman mendera tetapi untuk membina tetertib dan darjat pada satu-satu kumpulan.
- Kawad yang baik dan tinggi mutunya bukanlah dipelajari di atas padang kawad semata-mata dan kemudian dilupakan atau dianggap sebagai satu keramaian sahaja.
- Adalah menjadi tugas utama setiap anggota supaya mempercayai diri sendiri dan bertatertib pada setiap masa. Jika sekiranya, kelakuan yang tidak senonoh, lali, berpakaian tidak baik, senjata karat dan sebagainya dibiarkan semasa rekrut atau selepasnya, maka kejatuhan atau kekalahan akan dialami oleh pasukan itu.

### Berbaris.

- Jurulatih hendaklah menentukan dan memeriksa pakaian skuadnya dan menegur setiap kesalahan (untuk pembetulan) sebelum berkawad.
- Setiap pergerakan keluar dan masuk berbaris hendaklah dilakukan hanya atas keizinan dan kebenaran jurulatih.
- Semua anggota dilarang berjalan sambil lewa di atas padang kawad, jika tidak berkawad.
- Rancangan pelajaran hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum proses mengajar dijalankan.
- Semasa bersurai apabila tamat pelajaran, beri penghormatan kepada jurulatih ataupun pegawai yang mengambil bahagian.



## JURULATIH KAWAD.

Petua-petua ini adalah ditujukan kepada mereka yang mengajar dan belajar berkawad, menjadi panduan kepada jurulatih dan bakal-bakal jurulatih kawad.

### Sifat-Sifat Jurulatih.

#### PANDUAN

- *Sebagai jurulatih:*
  - *Selalu beri tunjuk ajar dan teguran membina untuk memperbaiki kesalahan dengan serta merta.*
  - *Sabar dan selalu naikkan semangat skuad.*
  - *Tegur kesalahan untuk ramai dan kemudian tegur kesalahan berseorangan.*

- Sabar : Jangan hilang fikiran dan lekas naik darah yang bukan-bukan sehingga melupakan sifat-sifat kemanusiaan.
- Ketabahan dan kebersungguhan : Selalu marah yang salah untuk membina kemahuan belajar.
- Kemahuan : Sediakan diri anda dan skuad dalam keadaan darjah kesediaan yang tinggi, jangan berpuas hati melainkan yang terbaik.
- Berperikemanusiaan : Hendaklah memahami segala kesukaran dan masalah yang dihadapi oleh skuad. Puji apabila mereka membuat pergerakan dengan baik tetapi janganlah terlalu bergaul.
- Akhlak : Sebagai seorang jurulatih, anda mestilah selalu cergas dan ke-mas serta selalu mengawal keadaan skuad.
- Kepercayaan diri sendiri : Menanamkan kepercayaan, “*saya mesti boleh buat*” dan “*saya akan memberikan pertunjukan yang terbaik sekali*”.

### Jurukatih Yang Baik.

- Sentiasa cergas.
- Boleh mengajar dengan betul.
- Boleh membuat semua pergerakan dan pertunjukan dengan betul.
- Boleh membetul kesalahan dengan cepat.
- Boleh memberi hukuman dengan jelas, betul dan terang.
- Jangan berpuas hati melainkan yang terbaik.



---

**Tauladan.**

---

- Apabila mengawadkan skuad, anda hendaklah sentiasa dalam kedudukan Sedia.
- Apabila bergerak atau berpusing, berjalan dan pergerakan yang lain, tentukan anda menunjukkan yang betul dan tentukan skuad membuat seperti kemahuan anda.
- Apabila memberi pertunjukan, mesti buat dengan betul. Jika pergerakan itu dengan senjata, gunakan senjata. Kalau pergerakan itu dengan tongkat, gunakan tongkat. Jangan dicampur adukkan.
- Jangan gunakan perkataan maki.
- Pakaian anda hendaklah sentiasa segar dan kemas.
- Jangan gopoh dan mengelabah.



## **BAHASA HUKUMAN.**

---

Perbuatan yang cergas dan baik itu dapat dilakukan bergantung kepada bahasa hukuman kawad yang nyaring, betul dan terang.

### **Membina Bahasa Hukuman.**

---

#### **PERINGATAN**

- Kadangkala ada juga hukuman:

*Tanpa peringatan:*

**“Skuad... Sedia!”**

*Tanpa harkat:*

**“Maju!”**

- Peringatan : Ini adalah untuk memberi peringatan kepada skuad, apa yang akan dibuat:  
*“Bergerak, ke kanan, bertiga-tiga”*
- Harkat : Merupakan peringatan yang panjang kepada skuad untuk pergerakan yang akan dilakukan:  
*“Ke kanan...”*
- Perbuatan : Arahan pergerakan yang mesti dilakukan oleh skuad, dengan nyaring dan tajam:  
*“Pusing!”*

### **Masa Untuk Memberi Hukuman Kawad.**

---

- Harkat-harkat hukuman kawad
  - Semasa berhenti : Tiga harkat seperti 1-2-3-1
  - Semasa cepat jalan : Lebih kurang 4 langkah
  - Semasa perlahan jalan : Lebih kurang 3 langkah



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Skuad Drill:*

*“Selamat pagi/ Selamat petang skuad!”*

*“Pagi/Petang ini, saya akan mengawadkan skuad!”*

*“Penanda kanan ...(nama anggota)..., penanda kiri ...(nama anggota)..., itu adalah barisan hadapan!. Barisan tengah, tengah juga!. Barisan belakang, belakang juga!”*

*“Hukuman saya yang salah, skuad jangan buat!. Hukuman saya yang betul, skuad hendaklah buat dengan betul dan cergas!”*

*“Faham itu skuad?!”*

- *Perubahan Penanda dan Pelurus Barisan boleh terjadi apabila dilakukan Pergerakan Meluruskan Barisan:*

*“Sekarang... Penanda, dan pelurus Barisan telah berubah!”*

*“Penanda kanan ...(nama anggota)..., penanda kiri ...(nama anggota)..., itu adalah barisan hadapan!. Barisan tengah, tengah juga!. Barisan belakang, belakang juga!”*

*“Faham itu skuad?!”*

## **Membina Bahasa Hukuman Kawad.**

- Kawad perhubungan :
  - Tunjukkan semua bahasa hukuman kawad semasa berhenti termasuk latihan kawad senjata.
  - Cuba seorang demi seorang dengan berteriak bahasa hukuman kawad:
    - Pecahkan skuad itu kepada dua bahagian dengan jarak sejauh tiga puluh ela dan berselang lima langkah dengan orang bersebelahan.
    - Tiap-tiap seorang akan mengawadkan orang yang dihadapannya.
    - Tukarkan fungsi tersebut setiap sepuluh minit.
- Mengawadkan skuad :
  - Bariskan skuad dalam tiga barisan dan terangkan kepada skuad, penanda kanan dan penanda kiri, barisan hadapan, barisan tengah dan barisan belakang dan lain-lain.
  - Cuba seorang demi seorang untuk mengawadkan skuad



---

## **PERKAKASAN DAN PERTOLONGAN MENGAJAR KAWAD.**

---

Pergerakan kawad yang cergas dan betul dapat dicapai dengan perkakasan dan perbuatan yang betul dan tepat.

### **Pangilan Masa.**

---

- Anggota yang baru dan untuk permulaan kawad hendaklah menggunakan panggilan masa pada semua pergerakan supaya:
  - Setiap orang di dalam skuad itu akan faham akan penggunaan masa itu apabila berteriak bera- mai-ramai.
  - Mereka akan membuat pergerakan itu dan belajar bersama-sama.

### **Masa Dan Langkah.**

---

Masa dan jarak langkah di dalam berkawad

- Semasa berjalan:
  - Masa cepat jalan biasa : 116 - 120 langkah seminit
  - Masa cepat jalan rekrut : 140 langkah seminit
  - Masa perlahan jalan : 65 langkah seminit
  - Masa berlari : 180 langkah seminit
- Jarak selangkah:
  - Masa cepat jalan : 30 inci
  - Masa perlahan jalan : 30 inci
  - Langkah panjang : 33 inci



- Langkah pendek : 21 inci
  - Langkah berlari : 40 inci
  - Langkah sebelah : 12 inci
  - Senang diri : 12 inci
- 
- Masa berkawad:
    - Masa berkawad kaki dan senjata adalah kira-kira 40 pergerakan dalam satu minit.

#### **Perkakasan pertolongan kawad.**

---

- Metronome : Untuk menentukan masa di atas semua pergerakan berkawad
- Tambur : Untuk menentukan sama ada berkawad dengan nombor atau pun dengan berteriak masa:
  - Latihan senjata dengan nombor bekerja dengan tambor
    - Rusuk senjata - TAB
    - Skwad - TAB
  - Latihan senjata bekerja dengan tambor
    - ( 1 ) ( 2 )
    - Rusuk - TAB 2 - 3 - TAB
- Tongkat penyukat : Digunakan untuk menentukan jarak langkah dan disukat semasa skuad berjalan untuk menentukan jarak langkah yang betul.



## PERATURAN MENGAJAR.

### BAHASA HUKUMAN

- Mengajar kawad:

*“Skuad!”*

*Untuk pelajaran pertama bagi setiap jenis kawad:*

*“Awal mula pertama mula diatas pelajaran anda dalam kawad ...(jenis kawad)... adalah ...(nama pelajaran kawad)...”*

*Untuk pelajaran lain bagi setiap jenis kawad:*

*“Setingkat lagi diatas pelajaran anda dalam kawad ...(jenis kawad)... adalah ...(nama pelajaran kawad)...”*

*“Tujuan pelajaran dan pergerakan ini diajar, untuk membolehkan anda membuat ...(nama pelajaran kawad)... dengan betul dan cergas!”*

*“Apabila mendapat hukuman, “Rehatkan... diri!”, lihat di sini!, saya akan berikan pertunjukan yang penuh”*

*“Rehatkan... diri!”*

*BERIKAN PERTUNJUKAN PENUH*

Untuk tujuan belajar dan mengajar kawad, setiap pergerakan hendaklah di ajar dengan kaedah yang betul dan tepat.

### Kedudukan Skwad.

- Tentukan skuad tidak menghadap matahari ataupun sinaran dari benda-benda yang berkilat kerana ia menghalang penglihatan anggota kepada pertunjukkan dan penerangan pergerakan oleh jurulatih.
- Kedudukan skuad yang baik supaya senang nampak adalah:
  - Satu barisan untuk mengajar kawad kaki.
  - Setengah lengkungan / ladam kuda untuk mengajar kawad senjata.
  - Dalam tiga barisan dan setengah kanan atau kiri pusing untuk hormat semasa berhenti

### Penerangan..

- Jurulatih hendaklah:
  - Menerangkan kepada skuadnya dengan jelas tentang pergerakan kawad yang diajar.
  - Tujuan pergerakan kawad itu diajar kepada skuadnya.

### Penerangan..

- Pecahan pertunjukan:
  - Pertunjukan yang penuh dan berteriak masa sendiri.
  - Pertunjukan dengan nombor.
  - Pertunjukan dengan nombor dan ulasan.
  - Pertunjukan yang penuh dan terakhir.





*“Oleh sebab belajar dan mengajar, maka, pergerakan ini dibahagikan kepada bahagian. Tiap-tiap bahagian nombor!. Lihat di sini!, apa akan terjadi apabila dapat hukuman ... (nama pelajaran kawad)... Satu!. Skwad... dua! ... (dan seterusnya) ...”*

*BERIKAN PERTUNJUKAN DENGAN NOMBOR*

*“Terus! Lihat disini!, saya akan beri pertunjukan dengan nombor, serta ulasannya sekali!”*

*BERIKAN PERTUNJUKAN DENGAN NOMBOR SERTA ULASAN*

*“Dan sekarang!, sekali lagi!, saya akan beri pertunjukan yang penuh dan terakhir dalam pergerakan ini!”*

*BERIKAN PERTUNJUKAN PENUH*

*“Apa ada soalan keseluruhan pelajaran ini skuad?!”*

**Soalan.**

- Selepas memberikan pertunjukan dengan nombor dan ulasan tiap-tiap satu pergerakan, tanya kefahaman anggota skuad.
- Teruskan jika tiada apa-apa persoalan dari skuad.

**Latihan.**

- Selepas memberikan pertunjukan yang penuh dan terakhir, suruh skuad:
  - Berlatih sendiri dengan nombor.
  - Jurulatih melatih skuad dengan nombor dan perbetulkan kesalahan.
  - Jurulatih melatih skuad dengan penuh dan berteriak masa.



## PEMERIKSAAN SKUAD

### PANDUAN

- *Sebagai jurulatih:*
  - *Tunjukkan tauladan kepada skuad*
  - *Beri hukuman dengan terang dan tepat*
  - *Puji mereka yang segak dan kemas*
  - *Jangan bertengkar dengan anggota*
  - *Jangan sentuh badan anggota*
  - *Jangan memarahi perkara mustahil seperti baju turun warna dan sebagainya*

## PERINGATAN PEMERIKSAAN

Perkara-perkara yang diterangkan akan mengambil peranannya dari segi tatatertib sesebuah pasukan yang baik.

### **Pandangan Am.**

- Adalah menjadi kebiasaan untuk pemeriksaan skuad, dimulakan pada orang sebelah kanan barisan hadapan dalam kedudukan Buka barisan dengan senjatanya sekali (jika dibawa oleh anggota).
- Pemeriksa mestilah diiringi oleh orang yang berpangkat rendah darinya untuk mencatat apa-apa yang diberitahu dan menentukan segala kesalahan dibetulkan.
- Tujuan pemeriksaan adalah:
  - Menentukan pakaian dipakai dengan betul.
  - Menentukan pakaian boleh digunakan.
  - Menentukan senjata bersih dan boleh digunakan.
  - Menentukan mereka cergas dan sihat.
- Perkara-perkara yang mesti diambil perhatian:
  - Menentukan anggota berdiri Sedia dengan betul.
  - Menentukan anggota lurus dan beratur dengan baik.
  - Menentukan anggota bercukur dengan bersih.
  - Menentukan anggota berpakaian bersih kemas bergosok dan betul pada ukurannya.

### **Pakaian Kepala.**

- Songkok:
  - Dari hadapan:
    - Senget ke kanan sedikit, lencana bersetentangan dengan mata kiri, tidak condong ke hadapan.
  - Dari belakang:
    - Tidak terjungkit ke belakang, rambut nipis sama paras dengan telinga.



- Beret:
  - Dari hadapan:
    - Dipakai dengan betul dan paras, satu jari dari atas mata kiri.
  - Dari belakang:
    - Bow dijahit dan ditengah-tengah bertentangan dengan tengkok.
- Forage cap:
  - Dari hadapan:
    - Senget ke kanan sedikit, lencana bersetentangan dengan mata kiri, tidak condong ke hadapan.
  - Dari belakang:
    - Tidak terjungkit ke belakang, rambut nipis sama paras dengan telinga.
- Topi pakaian khidmat:
  - Dari hadapan:
    - Lencana di tengah-tengah dahi paras.
  - Dari belakang:
    - Tidak senget ke kiri atau ke kanan dan paras.
    - bersih kemas bergosok dan betul pada ukurannya.

### **Muka Dan Tengkok.**

---

- Mesti sentiasa berkeadaan bersih dan dicukur rapi.

### **Pakaian Badan.**

---

- Baju:
  - Dari hadapan:
    - Hendaklah dipakai mengikut ukuran badan supaya sentiasa kelihatan kemas dan kacak.
    - Dalam perbarisan, barang-barang yang mengembong di dalam saku tidak dibenarkan.
    - Benang-benang dan jahitan berlebihan mesti dipotong.
    - Lencana-lencana pangkat mestilah bersih dan dipasang dengan betul dan teguh.
    - Baju dipakai pada siang hari mesti dilipat 4 jari di atas siku dan lipatannya juga sebesar 4 jari.
    - Pingat-pingat dan riben-riben mestilah dipasang di tengah-tengah di atas saku baju sebelah kiri / kanan, mengikut peraturan yang telah ditetapkan.



- Name tag hendaklah dipakai di atas saku bahu sebelah kanan di tengah-tengah selari dengan penutup saku bahagian atas.
- Dari belakang:
  - Tentukan baju ditarik dengan kemas dan tidak meleweh.
  - Lanyard dipakai di bawah ketiak. Penghujung lanyard dimasukkan ke dalam saku melalui penutup saku.
- Seluar (PD dan Terelyene):
  - Dari hadapan:
    - Di hadapan seluar panjang mestilah sampai di atas kekura dan di belakang ia mestilah separas sedikit dari tumit kasut.
  - Dari belakang:
    - Dari belakang seluar panjang mestilah rata pada punggung dan muat dengan kemasnya di atas baju dan di bawah tali pinggang. Hujung-hujung benang dari jahitan jangan dibiarkan kelihatan.

#### **Pakaian Pinggang.**

---

- Tali pinggang:
  - Dari hadapan:
    - Mesti dipakai dengan kemas dan ketat.
    - *Bakel* mestilah berada di tengah-tengah di hadapan dan sejajar dengan tulang baju dan seluar.
  - Dari belakang:
    - Penyangkut mestilah berada di pinggang sebelah kiri dan tidak di bawah lengan atau digunting bahagian punggung sebelah kiri di belakang tangan kiri.

#### **Tangan.**

---

- Mesti sentiasa bersih tiada kekotoran
- Kuku-kuku bersih dan dipotong rapi.



---

**Pakaian Kaki.**

---

- Kasut:
  - Dari hadapan:
    - Mesti bersih dan berkilat, mengikut ukuran, talinya mestilah kuat dan tidak tersimpul, diikat kuat menutup lubang-lubang untuk menjaga kura-kura kaki. Hujung tali mestilah disembunyikan.
    - Semua bahagian kasut mesti bersih dan dikilatkan.
  - Dari belakang:
    - Tapak kasut mestilah bersih.

---

**Senjata.**

---

- Senjata mestilah bersih, kering dan boleh digunakan.
- Pemeriksaan dilakukan dari hujung laras sehingga ke udi.
- Andoh-andoh mestilah dikenakan mengikut pasangan yang dibentang mengikut jenis repal yang tertentu dan tegang.



**BAB 1**

KAWAD SKUAD SEMASA BERHENTI  
- TANPA SENJATA

---



## ULASAN RINGKAS

### ASAS PERGERAKAN KAWAD KAKI

Adalah mustahak untuk pergerakan-pergerakan ini (dan kesalahan) ditunjuk ajar pada awal-awal lagi dan hendaklah disematkan dalam hati semua anggota supaya pergerakan-pergerakan yang dikemudian hari kelak dibuat dengan betul dan sempurna.

#### Bengkokkan Lutut

- Peha paras apabila badan tinggal diam.
- Kaki yang memijak bumi diregangangkan ke belakang dengan tapak kaki berada tetap dan sama rata di bumi.
- Lutut sebelah dibengkokkan dengan mengangkatnya ke hadapan, peha paras dengan bumi supaya hujung jari kaki tergantung betul-betul di bawah lutut dan tapak kaki berada pada sudut biasa daripada bumi, tetapi tidak lebih dari yang dihadkan daripada bumi.
- Kaki diluruskan dengan cepat bila tapak kaki sampai ke bumi, lutut diregangangkan ke belakang dan tapak kaki kukuh di atas bumi dan berada dalam kedudukan seperti yang dikehendaki.
- Seluruh pergerakan dibuat dengan cepat dan segera.

#### Tolak Kaki Ke Hadapan

- Digunakan bagi menggerakkan badan ke hadapan dari kedudukan berhenti.
- Sebelah kaki di belakang diam, keadaan tapak kaki rata di atas bumi, atau
- Tapak kaki di sebelah belakang tumit terangkat sedikit dari bumi dan tapak kaki di hadapan rata di atas bumi atau tergantung sedikit.
- Kedua-dua lutut tegang dan bersedia untuk membawa berat badan ke hadapan.



---

## PELAJARAN 1

### SEDIA

---

#### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
    *“Skuad... Sedia!”.*

#### **KEDUDUKAN - SEDIA.**

---

##### Pertunjukan dan Penerangan

- Tumit kaki rapat sebaris, buka hujung kaki sebesar 30°.
- Lutut tegang, badan tegak dengan berat sama timbang diantara kedua-dua tapak kaki dan tumit.
- Bahu-bahu dibawa ke belakang (supaya dada berada dalam keadaan biasa dengan tidak menyusah atau mengeraskan badan).
- Tangan lurus ke bawah, siku-siku rapat ke rusuk badan, pergelangan-pergelangan tangan lurus, tapak tangan tutup (bukan genggam) dan belakang jari-jari dekat kepada peha.
- Ibu jari tegak lurus dan hadapan dekat kepada jari telunjuk dan ke belakang sedikit dari garisan jahitan seluar.
- Kepala tegak dan tengkok kena leher baju, pandang terus ke hadapan sejauh 100 meter.
- Diam.

#### **Kesalah-kesalahan Biasa.**

---

1. Kedudukan yang terlalu tegang, menyebabkan sedutan nafas terbatas.
2. Tiada sedia dan mengerakkan anak mata.
3. Kaki dan tangan tidak mengadap ke hadapan dan tumit tidak rapat.
4. Lengan tangan bengkok sedikit dan menjalar ke hadapan.
5. Bahagian belakang tangan hala ke hadapan dan hal yang demikian membuka tulang belikat dan menyesakkan dada.
6. Pergelangan tangan bengkok dan tegang, buka jari telunjuk terlalu ke bawah dari jari lain.





## PELAJARAN 2

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
*“Senang... diri!”.*

### PERINGATAN

- *Berteriak: “Up!”*
  - a. *Apabila membawa bebanan di belakang dan tidak membawa senjata, tangan hendaklah dibawa pada sebelah tepi.*

## SENANG DIRI

### KEADAAN SENANG DIRI

#### Pertunjukan dan Penerangan

- Kaki kanan tinggal diam dan tapak kaki tegang ke belakang.
- Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.
- Bawa kaki kiri ke sebelah kiri dan hentak padat tapak kaki kiri ke bumi, jarak kedua-dua kaki adalah lebih kurang 12 inci.
  - Dengan masa yang sama, dengan pantas, bawa tapak tangan kanan ke dalam tapak tangan kiri, ibu-ibu jari bersilang, jari-jari dan tangan lurus menunjuk bumi.
- Alihkan berat badan sedikit ke kiri supaya berat diimbang sama rata.

#### Kesalah-kesalahan Biasa.

1. Kegagalan mengangkat kaki dalam keadaan paras dan tidak menghala ke kiri.
2. Membengkokkan lengan-lengan ketika membengkokkan lutut.
3. Mengerakakan kaki kanan dan menyebabkan barisan tidak lurus.
4. Bengkok pada bahagian pinggang apabila membetulkan kaki.



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Skuad... Sedia!”*

## **PERINGATAN**

- *Berteriak: “Up!”*
- *Membetulkan pakaian:*

*Apabila jurulatih menegur kesalahan pakaian atau sebagainya kepada anggota di dalam skuadnya, anggota itu hendaklah:*

- *Sedia dari senang diri.*
- *Angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.*
- *Bawa kaki kanan ke sebelah kanan dan hentak padat tapak kaki kanan ke bumi, di belakang tumit kaki kiri.*
- *Betulkan kesalahan.*
- *Setelah dibetulkan, kembali ke dalam Kedudukan - Sedia*

## **SEDIA DARI SENANG DIRI**

### **Pertunjukan dan Penerangan**

- Kaki kanan tinggal diam dan tapak kaki tegang ke belakang.
- Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.
- Bawa kaki kiri ke sebelah kanan dan hentak padat tapak kaki kiri ke bumi, di sebelah tapak kaki kanan.
  - Dengan masa yang sama, dengan pantas, bawa kedua-dua tangan ke dalam Kedudukan - Sedia.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

### **Kesalah-kesalahan Biasa.**

1. Kegagalan mengangkat kaki dalam keadaan paras dan tidak menghala ke kanan.
2. Menggerakkan kaki kanan dan menyebabkan barisan tidak lurus.
3. Kedua-dua tangan mengepak.



## PELAJARAN 3

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
*“Rehatkan, diri!”.*

### PERINGATAN

- *Kecuali dalam perbarisan-perbarisan istiadat, satu tangan bolehlah digunakan untuk membetulkan pakaian dengan perintah.*
- *Dengan hukuman: “Skuad!”.*  
*Ini adalah hukuman yang tiada amaran sebelumnya.*
  - *Kembali kedalam Keadaan Senang diri.*

## REHATKAN DIRI

### KEADAAN REHATKAN DIRI.

Pertunjukan dan Penerangan

- Dalam Keadaan Senang diri.
- Diatas hukuman perbuatan, “*Rehatkan, diri!*”, kira masa “*1,2,3, Rehat...*”.
- Kendorukan anggota-anggota badan, bahagian pinggang ke atas perlahan-lahan tanpa menggerakkan kaki.
- Diam.

### Kesalah-kesalahan Biasa.

1. Menggerakkan kaki, dengan itu menyebabkan hilang lurus barisan.
2. Berdiri kuat di atas kaki sebelah dan bercakap-cakap.



## PELAJARAN 4

### BERBARIS DALAM TIGA BARISAN

#### BAHASA HUKUMAN


- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Ti...ga barisan, di hadapan saya... Gerak!”.*

#### PERINGATAN


- *Semasa berbaris dalam tiga barisan kadang kala berlaku kekosongan barisan.*

- *Kalau kekosongan satu anggota.*



- *Kedudukan kosong dipail no. 2 dari kiri barisan tengah.*

- *Kalau kekosongan dua anggota.*



- *Kedudukan kosong dipail no. 2 dari kiri barisan tengah dan belakang.*

#### TIGA BARISAN, DI HADAPAN SAYA - GERAK.

Pertunjukan dan Penerangan

- Anggota-anggota berbaris dalam tiga barisan (hadapan, tengah, belakang).
- Jarak diantara barisan adalah 30 inci.
- Jarak diantara anggota dalam barisan adalah jarak jauh satu tangan (jari digenggam).
- Berdiri dalam Keadaan Rehatkan diri.
- Diam.



## **TIGA BARISAN, DI HADAPAN SAYA - GERAK (TANPA SENJATA).**

### Pertunjukan dan Penerangan

### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*

***“Dengar sini semua sekali!”***,

- *Hukuman:*

*Kalau skuad dalam Keadaan Senang diri:*

***“A...pabila dapat hukuman, “Ti...ga barisan, di hadapan saya... Gerak!”; skuad, hendaklah Sedia!, ber...lari, ber...baris, da...lam tiga barisan!, di... hadapan, di... tengah-tengah, di... mana saya menghadap!. Faham itu skuad?!”***,

*Kalau skuad dalam Kedudukan - Sedia:*

***“A...pabila dapat hukuman, “Ti...ga barisan, di hadapan saya... Gerak!”; skuad, hendaklah pu...sing ke kanan!, ber...lari, ber...baris, da...lam tiga barisan!, di... hadapan, di... tengah-tengah, di... mana saya menghadap!. Faham itu skuad?!”***,

- *Perbuatan:*

***“Ti...ga barisan, di hadapan saya... Gerak!”***.

### **PERINGATAN**

- *Kalau pada awal mula, skuad dalam Keadaan Senang diri, hendaklah diakhiri dengan Keadaan Senang diri.*

- Anggota-anggota berbaris dalam tiga barisan (hadapan, tengah, belakang).
- Jarak diantara barisan adalah 30 inci.
- Jarak diantara anggota dalam barisan adalah jarak jauh satu tangan (jari digenggam).
- Berdiri dalam Keadaan Rehatkan diri.
- Diam.



## PELAJARAN 5

### MELURUSKAN BARISAN

#### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

**“Ke kanan... lurus!”.**

#### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

**“Pandang... hadapan!”.**

### LURUS BARISAN DENGAN NOMBOR.

2 Pergerakan

#### **Ke Kanan Lurus - Satu.**

- Anggota di sebelah kanan pada setiap barisan, diam.
- Yang lain pusingkan kepala ke arah kanan, tegak kepala. Angkat tangan kanan paras bahu anggota di sebelah kanan, jari-jari digenggam.
- Bahagian belakang tangan ke atas.
- Pengenggam tangan kena bahu anggota di sebelah kanan.

#### **Skuad - Dua.**

- Hentak kaki berturut-turut, pendek-pendek serta meluruskan barisan.
- Tiap-tiap anggota nampak bahagian bawah muka anggota, dua anggota selang darinya.
- Dengan pantas, anggota disebelah kanan, barisan tengah dan belakang, tentukan jarak antara barisan sejauh 30 inci.

#### **Pandang Hadapan.**

- Diatas hukuman perbuatan, “*Pandang... hadapan!*”, pusingkan kepala ke arah hadapan dengan pantas dan jatuhkan tangan ke tepi badan, lengan lurus.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.



## PELAJARAN 6

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - a. **“Dari kanan!”**,
  - b. **“Nombor ... (Skwad/Kompeni dll)!”**,
- *Perbuatan:*

**“Nombor!”**.

### PERINGATAN

- *Jika berlaku kesilapan dalam membuat bilangan, jurulatih hendaklah memberi hukuman:*
  - a. **“Salah!”**
    - *Memberitahu nombor terakhir yang betul.*
    - *Anggota yang dipanggil nombornya itu hendaklah menyebut nombornya semula*
    - *Anggota bahagian hadapan hendaklah menyambung semula panggilan nombor itu darinya.*
  - b. **“Semula!”**
    - *Skwad berhenti membilang.*
    - *Tanpa hukuman lain, skuad akan membilang semula dari satu.*

## NOMBOR DAN NYATAKAN

### MEMBERI NOMBOR.

#### Penerangan

- Di dalam peringkat-peringkat awal latihan, jurulatih yang tidak mengenali anggota-anggota di dalam skuadnya, mungkin ingin bercakap dengan anggota sebagai *“Nombor ... (nyatakan)... dalam barisan ... (nyatakan)!”*.
- Oleh itu, skuad hendaklah sentiasa dinomborkan.

#### Nombor.

- Hanya barisan hadapan sahaja dalam skuad itu membuat bilangan nombor, dengan nyaring dari kanan ke kiri.
- Anggota sebelah kanan menyebut *“satu!”*, anggota selepasnya menyebut *“dua!”* dan seterusnya.
- Setiap anggota hendaklah memandang tepat ke hadapan dan anggota-anggota barisan tengah dan belakang bersetentangan dengan anggota barisan hadapan.



---

## NYATAKAN.

---

### Penerangan

- Jurulatih, mungkin perlu membahagikan skuadnya kepada dua bahagian. Bagi membuat demikian ia akan memilih anggota yang di sebelah kiri dalam skuadnya dan memanggil nombornya serta menerangkan siapakah anggota itu.
- Anggota yang dinyatakan itu mengangkat hujung lengan kirinya selari dengan bumi membiarkan siku kirinya diam, tapak tangan menghadap ke sebelah kanan, jari-jari rapat dan lurus ke hadapan.

---

### Nombor 12, Kiri Daripada Sebelah Kanan Skuad, Yang Lain Kiri Skuad.

---

- Dengan kata laksana, misalnya “*skuad!*” atau “*bahagian!*”, anggota yang membuktikan, hendaklah menjatuhkan tangannya ke bawah.

---

### Kesalahan-kesalahan Biasa.

---

1. Salah memberi nombor.
2. Pergerakan kepala dan mata.
3. Tidak mengetahui kawad bagi nyatakan.

## BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
*“Nombor ...(nyatakan)..., kiri daripada sebelah kanan skuad!”*,
- *Perbuatan:*  
*“Yang lain kiri skuad!”*.





## PELAJARAN 7

### BUKA DAN TUTUP BARISAN

- Bagi memeriksa skuad (memeriksa pakaian dan sebagainya) atau mengawadkan skuad, adalah mustahak bagi jurulatih membuat gerakan ini.
- Pergerakan ini dilakukan oleh barisan hadapan dan barisan belakang sahaja, barisan tengah diam. Jika dalam dua barisan sahaja, ianya dilakukan oleh barisan belakang sahaja.
- Skwad mestilah dalam Kedudukan - Sedia.

#### BUKA BARISAN.

3 Pergerakan

##### Buka Barisan Dengan Nombor, Buka Barisan - Satu.

- Barisan hadapan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci. Tapak kaki kiri di hadapan dan tapak kaki kanan di belakang, rata di atas bumi.
- Barisan belakang langkah kaki kiri ke belakang sejauh 15 inci. Tapak kaki kiri dibelakang dan tapak kaki kanan di hadapan, rata di atas bumi.
- Anggota badan yang lain, diam.

##### Skuad - Dua.

- Barisan hadapan langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci. Tapak kaki kanan rata di atas bumi, tapak kaki kiri di belakang tumit terangkat sedikit.
- Barisan belakang langkah kaki kanan ke belakang sejauh 30 inci. Tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat sedikit, tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi, .
- Anggota badan yang lain, diam.

#### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Buka, barisan... gerak!”.*



### **PERINGATAN**

- *Jarak di antara barisan dalam Buka barisan, barisan hadapan ke barisan tengah adalah 90 inci. Barisan tengah ke barisan belakang adalah 90 inci. Barisan hadapan ke barisan belakang adalah 180 inci. Jika dalam dua barisan setelah Buka barisan jarak barisan hadapan ke barisan belakang adalah 120 inci.*
- *Jika hendak mengajar skuad, hendaklah di ajar kepada dua bahagian, pertama selaku bahagian hadapan dan kemudian selaku barisan belakang. Apabila semua sekali telah faham, barulah latihkan skuad dalam tiga barisan.*

### **Skuad - Tiga.**

- Barisan hadapan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci dan hentak padat tapak kaki kiri di sebelah tapak kaki kanan.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri.
- Barisan belakang langkah kaki kiri ke belakang sejauh 15 inci dan hentak padat tapak kaki kiri di sebelah tapak kaki kanan.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

### **Kesalah-kesalahan Biasa.**

1. Tangan tidak tetap di Kedudukan - Sedia.
2. Muka tunduk ke bawah.
3. Semasa melakukan pergerakan, badan bengkok.
4. Melangkah melebihi had, terlampau jauh.



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

***“Tutup, barisan... gerak!”***

## **TUTUP BARISAN.**

---

3 Pergerakan

### **Tutup Barisan Dengan Nombor, Tutup Barisan - Satu.**

---

- Barisan hadapan langkah kaki kiri ke belakang sejauh 15 inci. Tapak kaki kiri di belakang dan tapak kaki kanan di hadapan, rata di atas bumi.
- Barisan belakang langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci. Tapak kaki kiri di hadapan dan tapak kaki kanan di belakang, rata di atas bumi.
- Anggota badan yang lain, diam.

### **Skwad - Dua.**

---

- Barisan hadapan langkah kaki kanan ke belakang sejauh 30 inci. Tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat sedikit, tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi.
- Barisan belakang langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci. Tapak kaki kanan di hadapan rata di atas bumi, tapak kaki kiri di belakang tumit terangkat sedikit.
- Anggota badan yang lain, diam.

### **Skwad - Tiga.**

---

- Barisan hadapan langkah kaki kiri ke belakang sejauh 15 inci dan hentak tapak padat kaki kiri di sebelah tapak kaki kanan.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah kaki kiri.
- Barisan belakang langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci dan hentak tapak padat kaki kiri di sebelah tapak kaki kanan.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah kaki kiri
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.



---

**PELAJARAN 8****MASUK BERBARIS**

---

**MASUK BERBARIS.**

---

## Pertunjukan dan Penerangan

- Skwad berbaris dalam tiga barisan dan dalam Kedaan Rehatkan diri di tepi padang perbarisan, menghadap di arah mana mereka akan berbaris. Anggota yang di sebelah kanan sekali akan menjadi pemandu kanan.
- Tanda:
  - Diatas hukuman perbuatan, "*Tanda!*", penanda di sebelah kanan, Sedia, maju ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat, 15 langkah, Berhenti dalam masa cepat dan Senang diri.
  - Langkah boleh dikurangkan sekiranya tidak cukup kawasan.
- Masuk baris:
  - Diatas hukuman perbuatan, "*Masuk baris!*", penanda dan skuad, Sedia. Penanda diam, yang lain, maju ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat dan Berhenti dalam masa cepat di langkah ke 15, Meluruskan barisan dengan sendirinya, pandang hadapan dan Senang diri bertiga-tiga dari kanan ke kiri.



## MASUK BERBARIS - TANPA SENJATA.

### BAHASA HUKUMAN: PENANDA

- *Peringatan:*

“*Skuad!*”,

“*Dengar sini penanda dan pelurus barisan!*”,
- *Hukuman:*

“*A...pabila dapat hukuman “TANDA!”*  
*Pe...nanda, dan pe...lurus barisan, hendaklah Sedia!, ber...jalan ke hadapan, 140 langkah satu minit, 14-1-2 berhenti!. Pe...nanda, pusing ke kanan, pe...lurus barisan, pusing ke kiri. Pe...lurus barisan luruskan penanda!.*”,

“*A...pabila dapat hukuman “TANDA... Diam!”*  
*Daripada pelurus barisan, pe...nanda, pusing ke kiri, pe...lurus barisan, pusing ke kanan dan Senang diri bersama-sama.*”,

“*Faham itu penanda dan pelurus barisan?!?*”,
- *Perbuatan:*

“*TANDA!*”.

### BAHASA HUKUMAN: MASUK BARIS

- *Peringatan:*

“*Dengar sini semua sekali!*”,
- *Hukuman:*

“*A...pabila dapat hukuman “MASUK... BARIS!”*  
*Semua sekali hendaklah Sedia!. Pe...nanda dan pe...lurus barisan diam!. An...da yang di belakang!, berjalan ke hadapan, 140 langkah satu*

### Pertunjukan dan Penerangan

- Pergerakan masuk baris dilakukan oleh skuad dengan betul dan cergas.
- Selepas pergerakan masuk baris telah dilakukan, pemberi hukuman akan memberi:
  - Hukuman, “*Skuad... Sedia!*”
  - Hukuman, “*Buka barisan... gerak!*” (Penanda dan pelurus barisan diam, yang lain buat).
  - Hukuman, “*Ke kanan... lurus!*” (Pelurus barisan luruskan barisan).
  - Hukuman, “*Senang... diri!*” (Selepas mendapat hukuman’ “*Skuad! Pandang... hadapan!*” daripada Pelurus barisaan).
- Pergerakan dari hukuman, “*Masuk... baris!*” hingga hukuman, “*Senang... diri!*” hendaklah dibuat dalam satu masa.

### Pelurus Barisan.

- Diatas hukuman perbuatan, “*Ke kanan... lurus!*”:  
 • Pelurus barisan:
  - Berpusing ke kiri pusing dan Meluruskan barisan.bermula dari barisan hadapan, barisan tengah dan berisan belakang.
  - Hukuman bagi setiap barisan yang telah diluruskan akan diberi oleh pelurus barisan mengikut barisan:
    - “*Diam!. Diam... barisan hadapan!*”
    - “*Diam!. Diam... barisan tengah!*”
    - “*Diam!. Diam... barisan belakang!*”
- Apabila ketiga-tiga barisan telah telah lurus:
  - Pelurus barisan Berpusing, ke kanan pusing, Berjalan dalam masa cepat, balik ke barisan hadapan dan Berpusing ke kiri pusing
  - Berikan hukuman, “*Skuad! Pandang... hadapan!*”.
- Di atas hukuman : “*Skuad! Pandang... hadapan!*”  
 • Pelurus barisan terus maju, Berjalan dalam masa cepat, menempatkan diri tiga langkah di hadapan, diantara nombor satu dan dua skuad.



*minit, 14-1-2 berhenti, di mana anda sampai!”,*

*“Pan...dang kanan, ang...kat tangan kanan, luruskan barisan. A...pabila barisan telah lurus!, pan...dang hadapan, po...tong tangan kanan dan Senang diri bertiga-tiga, da...ri kanan ke kiri, meng...ikut kumpulan masing-masing!”*,

*“Faham itu skuad?!”*,

- *Perbuatan:*

*“MASUK... BARIS!”*.

#### **BAHASA HUKUMAN:**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Skuad... Sedia!”*.

*“Buka barisan... gerak!”*.

*“Ke kanan... lurus!”*.

#### **BAHASA HUKUMAN:**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Senang... diri!”*.

#### **Pemberi Hukuman.**

- Diatas hukuman perbuatan, *“Ke kanan... lurus!”*:
  - Pemberi hukuman atau ketua kumpulan:
    - Berpusing, ke kiri pusing, Berjalan dalam masa cepat. Berhenti dalam masa cepat pada penanda yang kanan sekali.
    - Berpusing, ke belakang pusing, Berjalan dalam masa cepat, Meluruskan barisan dari depan ke belakang, sehingga pail yang hujung sekali.
    - Setelah habis, balik dan ambil tempatnya semula di tengah-tengah skuad.
- Apabila pelurus barisan, telah berikan hukuman, *“Skuad! Pandang... hadapan!”* dan menempatkan diri tiga langkah di hadapan, diantara nombor satu dan dua skuad.
  - Pemberi hukuman atau ketua kumpulan:
    - Berikan hukuman, *“Senang... diri!”*.



## MASUK BERBARIS - BERSAMA-SAMA SENJATA.

### BAHASA HUKUMAN: PENANDA

- *Peringatan:*
  - “*Skuad!*”,
  - “*Dengar sini penanda dan pelurus barisan!*”,
- *Hukuman:*
  - “*A...pabila dapat hukuman “TANDA!”*  
*Pe...nanda dan pe...lurus barisan hendaklah Sedia!. Ru...suk senjata!, ber...jalan ke hadapan, 140 langkah satu minit, 14-1-2 berhenti!. Pe...nanda, pu...sing ke kanan, pe...lurus barisan, pu...sing ke kiri. Pe...nanda jajar senjata!. Pe...lurus barisan luruskan penanda.*”,
  - “*A...pabila dapat hukuman, “TANDA... Diam!”*  
*Da...ripada pelurus barisan, pe...nanda rusuk senjata!, pusing ke kiri, pe...lurus barisan, pusing ke kanan, tu...run senjata dan Senang diri bersama-sama!.*”,
  - “*Faham itu penanda dan pelurus barisan?!*”,
- *Perbuatan:*
  - “*TANDA!*”.

### BAHASA HUKUMAN: MASUK BARIS

- *Peringatan:*
  - “*Dengar sini semua sekali!*”,
- *Hukuman:*
  - “*A...pabila dapat hukuman, “MASUK... BARIS!”*  
*Se...mua sekali hendaklah Sedia!. Ru...suk senj-*

### Pertunjukan dan Penerangan

- Pergerakan masuk baris dilakukan oleh skuad dengan betul dan cergas.
- Selepas pergerakan masuk baris telah dilakukan, pemberi hukuman akan memberi:
  - Hukuman, “*Skuad... sedia!*”
  - Hukuman, “*Buka barisan... gerak!*” (Penanda dan pelurus barisan diam, yang lain buat).
  - Hukuman, “*Ke kanan... lurus!*” (Pelurus barisan luruskan barisan).
  - Hukuman, “*Senang... diri!*” (Selepas mendapat hukuman ‘*Skuad! Pandang... hadapan!*’ daripada Pelurus barisaan.
- Pergerakan dari hukuman, “*Masuk... baris!*” hingga hukuman, “*Senang... diri!*” hendaklah dibuat dalam satu masa).

### Pelurus Barisan.

- Diatas hukuman perbuatan, “*Ke kanan... lurus!*”:  
  - Pelurus barisan:
    - Rusuk senjata, Berpusing ke kiri pusing dan Meluruskan barisan.bermula dari barisan hadapan, barisan tengah dan berisan belakang.
    - Hukuman bagi setiap barisan yang telah diluruskan akan diberi oleh pelurus barisan mengikut barisan:
      - “*Diam!. Diam... barisan hadapan!*”
      - “*Diam!. Diam... barisan tengah!*”
      - “*Diam!. Diam... barisan belakang!*”
  - Apabila ketiga-tiga barisan telah telah lurus:
    - Pelurus barisan Berpusing, ke kanan pusing, Berjalan dalam masa cepat, balik ke barisan hadapan dan Berpusing ke kiri pusing.
    - Berikan hukuman, “*Skuad! Pandang... hadapan!*”.
- Di atas hukuman : “*Skuad! Pandang... hadapan!*”:  
  - Pelurus barisan terus maju, Berjalan dalam masa cepat, menempatkan diri tiga langkah di hadapan, diantara nombor satu dan dua skuad
  - Turun senjata.



*jata!. Pe...nanda dan pe...lurus barisan diam!  
An...da yang di belakang, ber...jalan ke hadapan,  
140 langkah satu minit, 14-1-2 berhenti di mana  
anda sampai!.”*

*“Tu...run senjata!, pan...dang kanan, ang...kat  
tangan kiri, lu....ruskan barisan!. A....pabila bari-  
san telah lurus, pan...dang hadapan, po...tong tan-  
gan kiri, dan Senang Diri, ber...tiga-tiga, da...ri  
kanan ke kiri, meng...ikut kumpulan masing-  
masing!.”*

*“ Faham itu skuad?!”*

- *Perbuatan:*

*“MASUK... BARIS!”*

#### **BAHASA HUKUMAN:**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Skuad... sedia!”*

*“Buka barisan... gerak!”*

*“Ke kanan... lurus!”*

#### **BAHASA HUKUMAN:**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Senang... diri!”*

#### **Pemberi Hukuman.**

- Diatas hukuman perbuatan, “*Ke kanan... lurus!*” :
  - Pemberi hukuman atau ketua penuntut:
    - Berpusing, ke kiri pusing, Berjalan dalam masa cepat. Berhenti dalam masa cepat pada penanda yang kanan sekali.
    - Berpusing, ke belakang pusing, Berjalan dalam masa cepat, Meluruskan barisan dari depan ke belakang, sehingga pail yang hujung sekali.
    - Setelah habis, balik dan ambil tempatnya semula di tengah-tengah skuad.
- Apabila pelurus barisan, telah berikan hukuman, “*Skuad! Pandang... hadapan!*” dan menempatkan diri tiga langkah di hadapan, diantara nombor satu dan dua skuad.
  - Pemberi hukuman atau ketua penuntut:
    - Berikan hukuman, “*Senang... diri!*”.





## PELAJARAN 9

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
  - a. “*Skuad! A...kan bergerak ke kanan!*”
  - b. “*Skuad! A...kan bergerak ke kiri!*”
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*
  - a. “*Ke kanan... pusing!*”
  - b. “*Ke kiri... pusing!*”

### PANDUAN

- *Dalam semua pusingan, berat badan mestilah diletakkan pada kaki hadapan.*

## BERPUSING DAN BERPUSING SEPARUH

### KE KANAN PUSING.

2 Pergerakan

#### **Berpusing Dengan Nombor, Ke Kanan Pusing - Satu.**

- Dengan pantas, pusing kepala bahu dan badan 90° ke sebelah kanan.
- Berpusing di atas tumit kaki kanan, tapak kaki di hadapan kanan rata di bumi, tapak kaki kiri di belakang tumit terangkat sedikit.
- Kedua-dua lutut tegang dan anggota badan yang lain diam, seperti Kedudukan - Sedia

#### **Skuad - Dua.**

- Bawa kaki kiri ke hadapan, angkat kaki kiri, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah tapak kaki kanan.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
  - a. *“Skuad! A...kan menghadap ke belakang!”*,
  - b. *“Skuad! A...kan menghadap ke hadapan!”*,
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*
  - “Ke belakang... pusing!”*.

### **PANDUAN**

- *Berpusing ke belakang sentiasa di lakukan dengan berpusing ikut kanan.*

### **KE BELAKANG PUSING.**

2 Pergerakan

#### **Berpusing Dengan Nombor, Ke Belakang Pusing - Satu**

- Dengan pantas, pusing kepala bahu dan badan 180° ke belakang melalui kanan.
- Berpusing di atas tumit kaki kiri, tapak kaki kanan di hadapan rata di bumi, tapak kaki kiri di belakang tumit terangkat sedikit.
- Renggangkan kaki dan jaga timbangan badan dengan merapatkan peha.
- Kedua-dua lutut tegang dan anggota badan yang lain diam, seperti Kedudukan - Sedia.

#### **Skuad - Dua.**

- Bawa kaki kiri ke hadapan, angkat kaki kiri, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah tapak kaki kanan.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
  - a. *“Skuad! A...kan bergerak ke separuh kanan!”*,
  - b. *“Skuad! A...kan bergerak ke separuh kiri!”*,
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*
  - a. *“Ke separuh kanan... pusing!”*.
  - b. *“Ke separuh kiri... pusing!”*.

## **PERINGATAN**

- *Tunjukkan dengan segera beberapa segi meluruskan barisan dan mengambil tempat:*
  - a. *Bahu kanan setiap anggota, mestilah di tengah-tengah belakang anggota selepasnya.*
  - b. *Bagi barisan tengah dan belakang, bahu kiri mereka mestilah bertentangan dengan tengah belakang anggota yang asalnya ditutupi.*

## **KE SEPARUH KANAN.**

2 Pergerakan

### **Berpusing Dengan Nombor, Ke Separuh Kanan Pusing - Satu**

- Dengan pantas, pusing kepala bahu dan badan 45° ke kanan.
- Berpusing di atas tumit kaki kanan, tapak kaki kanan di hadapan rata di bumi, tapak kaki kiri di belakang tumit terangkat sedikit .
- Kedua-dua lutut tegang dan anggota badan yang lain diam, seperti Kedudukan - Sedia.

### **Skuad - Dua.**

- Bawa kaki kiri ke hadapan, angkat kaki kiri, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah tapak kaki kanan.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

### **Kesalah-kesalahan Biasa.**

1. Berat badan diletakkan pada kaki belakang, membiarkan tumit kaki hadapan bergerak di atas tanah semasa berpusing.
2. Menggerakkan tangan terutamanya apabila menghentak kaki kiri.
3. Membengkokkan bahagian pinggang apabila menghentak kaki masuk ke dalam.
4. Tidak memusingkan separuh badan dan bahu dalam pergerakan pertama.



---

## PELAJARAN 10

### BERSURAI DAN KELUAR BARIS

---

- Sebelum mengajar pergerakan bersurai, terlebih dahulu diajarkan pergerakan keluar baris.
- Apabila memperlakukan kedua-dua pergerakan ini, skuad hendaklah di dalam Kedudukan Tutup barisan, sama ada pergerakan kawad kaki atau pergerakan kawad senjata.

#### KELUAR BARIS.

---

##### Pertunjukan dan Penerangan

#### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
*“Keluar... baris!”*

- Keluar baris digunakan bertujuan untuk berhenti sebentar, berehat dan akan menyambung kembali perkerjaan yang dibuat.
- Diatas hukuman perbuatan, “*Keluar... baris!*”:
  - Buat pergerakan, Berpusing ke kanan pusing semasa berhenti.
  - Berjalan dalam masa cepat, tiga langkah ke hadapan.
  - Keluar barisan secara bersendirian.
- Keluar dari padang kawad.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
     *“Ber...surai!”.*

### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*  
     *“Se...laku Pegawai dalam barisan!”,*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
     *“Ber...surai!”.*

### **BERSURAI.**

#### **Pertunjukan dan Penerangan**

- Bersurai digunakan bertujuan untuk menandakan perkerjaan yang dibuat telah ditamatkan.
- Diatas hukuman perbuatan, “*Ber...surai!*”:
  - Buat pergerakan. Berpusing ke kanan pusing, semasa berhenti.
  - Berjalan dalam masa cepat, tiga langkah ke hadapan.
  - Keluar barisan secara bersendirian.
- Keluar dari padang kawad.

#### **Bersurai - Ada Pegawai.**

#### **Pertunjukan dan Penerangan**

- Diatas hukuman perbuatan, “*Ber...surai!*”:
  - Buat pergerakan, Herpusing ke kanan pusing, semasa berhenti.
  - Hormat ke hadapan.
  - Berjalan dalam masa cepat, tiga langkah ke hadapan.
  - Keluar barisan secara bersendirian.
- Keluar dari padang kawad.

#### **Membawa Senjata**

- Diatas hukuman perbuatan, “*Ber...surai!*”:
  - Buat pergerakan, Berpusing ke kanan pusing, semasa berhenti.
  - Hormat ke hadapan dengan senjata
  - Berjalan dalam masa cepat, tiga langkah ke hadapan.
  - Keluar barisan secara bersendirian.
- Keluar dari padang kawad.



---

**Skuad Membawa Tongkat Dan Senjata Bersama Skuad Tanpa Membawa Tongkat Dan Senjata.**

---

- Diatas hukuman perbuatan, “*Ber... surai!*”:
  - Buat pergerakan, Berpusing ke kanan pusing semasa berhenti.
  - Kepada yang membawa tongkat:
    - bawa tongkat ke kepitan ketiak kiri.
    - Lakukan pergerakan kawad tongkat dengan betul.
  - Hormat ke hadapan, mengikut alat-alat yang dibawa.
  - Berjalan dalam masa cepat, tiga langkah ke hadapan.
  - Keluar barisan secara bersendirian.
- Keluar dari padang kawad.




## PELAJARAN 11

### BAHASA HUKUMAN


- *Peringatan:*
- *Hukuman:*

*Untuk menghasilkan bentuk paras:*



*“Yang... tinggi ke kanan, rendah ke kiri!”*,

*Untuk menghasilkan bentuk paras:*



*“Yang... rendah ke kanan, tinggi ke kiri!”*,

- *Perbuatan:*

*“Da...lam satu barisan... paras!”*.

## PARAS

### DALAM SATU BARISAN PARAS.

Pertunjukan dan Penerangan

- Satu skuad, pasukan atau pengawal yang cukup baik paras, memberi kesan-kesan yang baik kepada anggota-anggota dan peluang yang baik untuk berkawad bersama-sama. Oleh itu skuad hendaklah diparaskan awal-awal lagi.
- Paras boleh dilakukan sama ada yang tinggi ke kanan, rendah ke kiri (atau sebaliknya) dan yang tinggi di tengah-tengah, rendah di tepi (atau sebaliknya). Ini boleh dilakukan dengan cermat dengan menjadikan semua orang ke dalam satu barisan dan menyusun mereka mengikut tinggi rendah atau sebaliknya sebagaimana dikehendaki.
- Ini boleh dilakukan dengan cara mereka dalam bertiga-tiga atau seberapa banyak sekalipun barisan yang dikehendaki. Cara yang terakhir ini hendaklah terhad kepada kumpulan kecil umpamanya pengawal kem.

### Yang Tinggi Ke Kanan, Rendah Ke Kiri, Dalam Satu Barisan, Paras

- Seluruh skuad buat pergerakan, Keluar baris:
  - Buat pergerakan, Berpusing ke kanan pusing, semasa berhenti.
  - Berjalan dalam masa cepat, tiga langkah ke hadapan.
  - Keluar barisan secara bersendirian.
- Aturkan diri mereka mengikut paras dalam satu barisan.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.
- Susunan diperiksa oleh jurulatih.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Nombor!”.*

### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*

*“Nom...bor ganjil, sa...tu langkah ke hadapan!, nom...bor genap, sa...tu langkah ke belakang!”.*

- *Perbuatan:*

*“Gerak!”.*

### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*

*“O...rang yang di sebelah kanan sekali, Diam!”.*

- *Hukuman:*

*“Nom...bor ganjil, ke kanan!, nom...bor genap, ke kiri!”.*

- *Perbuatan:*

*“Barisan, kanan dan kiri... Pusing!”.*

### **Nombor.**

- Skwad membuat bilangan nombor dari kanan ke kiri.

### **Nombor Ganjil Satu Langkah Ke Hadapan, Nombor Genap Satu Langkah Ke Belakang, Gerak.**

- Setiap anggota yang bernombor ganjil melangkah ke hadapan satu langkah dan setiap anggota yang bernombor genap melangkah ke belakang satu langkah.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.
- Jurulatih mesti memeriksa pergerakan ini.

### **Orang Yang Di Sebelah Kanan Sekali Diam, Nombor Ganjil Ke Kanan, Nombor Genap Ke Kiri, Barisan Kanan Dan Kiri Pusing.**

- Anggota yang di sebelah kanan sekali di barisan hadapan diam dan menghadap ke hadapan dalam Kedudukan - Sedia
- Setiap anggota yang bernombor ganjil, Berpusing ke kanan pusing dan setiap anggota yang bernombor genap, Berpusing ke kiri pusing.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

### **Jadikan Tiga Barisan, Cepat Jalan.**

- Skwad akan jadi tiga barisan.
- Dengan dimulakan oleh anggota bernombor ganjil, Berjalan dalam masa cepat dan diikuti oleh nombor genap.
- Susun diri anda menjadi tiga barisan:
  - Nombor tiga, jadi nombor satu bahagian tengah.
  - Nombor lima, jadi nombor satu barisan belakang.
  - Nombor tujuh, jadi nombor dua dalam barisan hadapan dan seterusnya.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.





### BAHASA HUKUMAN


- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

***“Ja...dikan tiga barisan!, cepat, jalan!”***

### BAHASA HUKUMAN


- *Peringatan:*
- *Hukuman:*

*Untuk menghasilkan bentuk paras:*



***“Yang tinggi ke kanan, rendah ke kiri.!”***,

*Bent*Untuk menghasilkan bentuk paras:



***“Yang rendah ke kanan, tinggi ke kiri!”***,

- *Perbuatan:*

***“Da...lam satu barisan... paras!”***

### Peringatan.

- Sekiranya dikehendaki pada akhirnya memaras anggota yang paling tinggi di sebelah kanan dan anggota yang rendah disebelah kiri, bahasa hukuman hendaklah *“Orang yang di sebelah kanan sekali diam, yang lain bergerak ke kanan dalam satu barisan ke kanan pusing. Jadikan tiga barisan cepat jalan”*.
- Jika satu skuad kecuali hendak diparaskan, bahasa hukuman adalah *“Dalam tiga (atau satu) barisan - Paras”*. Skwad itu, Berpusing ke kanan, berhenti sekejap dan menjadikan barisan mengikut paras. Hentak langkah kaki hendaklah dilakukan apabila skuad berpusing.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*  
*“O...rang yang di sebelah kanan sekali, diam!”*
- *Hukuman:*  
*“Yang... lain, ber...gerak , ke kanan!, da...lam satu barisan!”*
- *Perbuatan:*
  - *“Ke kanan... pusing!”*

### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
*“Ja...dikan tiga barisan!, cepat, jalan!”*



**BAB 2**

BERJALAN





---

## ULASAN RINGKAS

### BERJALAN

---

Berjalan memainkan peranannya dalam kawad sebagai satu cara membentuk tatatertib sesebuah pasukan.

#### Cepat Dan Perlahan Jalan.

---

- Sesebuah pasukan yang berjalan dengan bergaya, lazimnya adalah merupakan sebuah pasukan yang mempunyai semangat yang tinggi.
- Begitu juga dalam masa perlahan jalan, pergerakan yang mengajar timbangan dan bentuk badan yang baik dan adalah menjadi adat sebagai sebahagian upacara istiadat-istiadat ketenteraan.

#### Langkah Satu Minit.

---

- Pasukan-pasukan biasanya akan berjalan 116 - 120 langkah dalam satu minit.
- Bagaimanapun, anggota patut mulai berjalan 140 langkah dalam satu minit untuk membina kepantasan, siap sedia dan taat kepada perintah tanpa berbicara lagi.



## PELAJARAN 12

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - a. *“Da...ri kiri!”*,
  - b. *“Da...ri kanan!”*,
- *Perbuatan:*
  - “Cepat, jalan!”*.

### PERINGATAN

- *Anggota hendaklah mulai berjalan dari kedudukan Sedia.*
- *Apabila mengikut pancaragam atau skuad lain, untuk selari pergerakan. Hukuman perbuatan, “Cepat” pada langkah kaki kiri skuad dan “jalan!” pada kaki kanan pancaragam atau skuad tersebut, secara berturut-turut. Dengan hukuman perbuatan, “jalan!” anggota dengan pantas, langkah kaki kiri ke hadapan dan lenggang tangan kanan ke hadapan, terus berjalan.*
- *Penentuan Hukuman “Dari kiri” atau “Dari kanan” adalah berdasarkan kepada kedudukan tangan Penanda skuad*

## BERJALAN DAN BERHENTI DALAM MASA CEPAT

### BERJALAN DALAM MASA CEPAT.

Pertunjukan dan Penerangan

#### Berjalan Dengan Nombor, Cepat Jalan - Satu.

- Dengan pantas, langkahkan kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci. Tapak kaki kiri di hadapan tumit terpacak, tapak kaki kanan di belakang rata di bumi.
  - Dengan masa yang sama, lenggangkan tangan kanan ke hadapan, sama paras dengan bahu dan lenggangkan tangan kiri ke belakang seberapa jauh yang boleh.
- Muka pandang terus ke hadapan, sejauh 100 meter.

#### Skuad - Dua.

- Dengan pantas, langkahkan kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci. Tapak kaki kanan di hadapan tumit terpacak, tapak kaki kiri di belakang rata di bumi.
  - Dengan masa yang sama, tukarkan lenggang tangan kiri ke hadapan, sama paras dengan bahu dan lenggangkan tangan kanan ke belakang seberapa jauh yang boleh.
- Muka pandang terus ke hadapan, sejauh 100 meter.

#### Kesalahan-kesalan Biasa.

1. Membuat langkah lebih dari jarak 30 inci. Apabila berjalan bertiga-tiga, jarak antara barisan tidak sama dan tidak betul.
2. Apabila berjalan dalam barisan, jarak antara anggota tidak sama dan tidak betul
3. Barisan tidak lurus dan gaya lenggang tidak sama. hilang rentak kawad kaki.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
     *“Skuad... henti!”.*

### **PERINGATAN**

- *Berteriak: “Cek, Satu, Dua!”*

## **BERHENTI DALAM MASA CEPAT.**

3 Pergerakan

### **Berhenti Dengan Nombor, Berhenti - Satu.**

- Hukuman perbuatan, “*henti!*”, diberi semasa kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di atas bumi.
- Penuhkan langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci dan berhenti. Tapak kaki kanan di hadapan rata di atas bumi, tapak kaki kiri di belakang tumit terangkat sedikit. Kedua-dua lutut kaki tegang.
  - Tangan kanan masih dalam keadaan berleumpang ke belakang, tangan kiri berleumpang ke hadapan.
- Anggota badan lain diam dan pandang ke hadapan, sejauh 100 meter.

### **Skuad - Dua.**

- Bawa kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci dengan keadaan tapak kaki kiri tergantung selari dengan bumi.
- Berdiri di atas kaki kanan, lutut kaki kanan tegang.
  - Dengan masa yang sama, lenggangkan tangan kanan ke hadapan dan tangan kiri ke belakang.

### **Skuad - Tiga.**

- Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut peha sama paras, hujung kaki junam ke ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri di sebelah kaki kanan.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah kaki kiri.
  - Dengan masa yang sama, dengan pantas, bawa kedua-dua belah tangan kepada Kedudukan - Sedia.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.



## PELAJARAN 13

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - a. *“Da...ri kiri!”*,
  - b. *“Da...ri kanan!”*,
- *Perbuatan:*

*“Perlahan... jalan!”*.

### PERINGATAN

- *Berteriak: “Res!, Kiri... Res!, Kanan...”*
- *Berjalan dengan masa perlahan dilakukan dalam kadar 65 langkah satu minit.*
- *Apabila mengikut pancaragam atau skuad lain, untuk selari pergerakan. Hukuman perbuatan, “Perlahan...” pada langkah kaki kiri skuad dan “jalan!” pada kaki kanan pancaragam atau skuad tersebut, secara berturut-turut.*
- *Penentuan Hukuman “Dari kiri” atau “Dari kanan” adalah berdasarkan kepada kedudukan tangan Penanda skuad*

## BERJALAN DAN BERHENTI DALAM MASA PERLAHAN

### BERJALAN DALAM MASA PERLAHAN.

#### Pertunjukan dan Penerangan

- Perlahan jalan diajar dengan bilangan cara “timbang langkah” dengan melakukan pergerakan berjalan dengan langkah beragak.

#### Kaki Kiri Ke Hadapan.

- Tolak kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci, hujung kaki dikeluarkan sedikit menunjuk ke bumi dan tergantung.
- Berat badan ditampung oleh kaki kanan.
- Bahagian atas anggota badan tegak, tangan lurus ditepi seperti Kedudukan - Sedia.
- Maju:
  - Penuhi langkah ke hadapan sejauh 30 inci dengan menolak kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci lagi sehingga lurus di hadapan badan.
  - Hujung kaki kiri jejak ke tanah dahulu bukannya tumit atau bahagian luar kaki.
  - Bawa berat badan ke kaki kiri.
  - Kaki kanan di belakang dibengkokkan sedikit supaya dapat diangkat hujung kaki dari bumi.

#### Kaki Kanan Ke Kadapan.

- Bengkokkan lagi lutut kanan dan tolak kaki kanan ke hadapan sejauh 15 inci di hadapan kaki kiri, hujung kaki menunjuk ke bumi dan tergantung.
- Berat badan ditampung oleh kaki kiri.
- Bahagian atas anggota badan tegak, tangan lurus ditepi seperti Kedudukan - Sedia.
- Maju:
  - Penuhi langkah ke hadapan sejauh 30 inci dengan menolak kaki kanan ke hadapan sejauh 15



### **PANDUAN**

- *Perlahan jalan yang baik mungkin diajar melalui:*
  - *Suruh skuad berjalan bersendirian dengan tangan di belakang mereka dengan dalam kadar 65 langkah satu minit*
  - *Selepas itu suruh mereka tolak hujung kaki mereka menghadap ke bawah dan keluar, dengan menentukan tiap-tiap kaki diperbetulkan bila ianya dibawa ke hadapan*
  - *Akhirnya, biarkan lengan di tepi*

Inci lagi sehingga lurus di hadapan badan.

- Hujung kaki kanan jejak ke tanah dahulu bukannya tumit atau bahagian luar kaki.
- Bawa berat badan ke kaki kanan.
- Kaki kiri di belakang dibengkokkan sedikit supaya dapat diangkat hujung kaki dari bumi.

### **Maju.**

- Ulangi langkah sehingga skuad mendapat timbangan badan dengan belajar timbang langkah seperti di atas.





### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
     *“Skuad... henti!”.*

### **PERINGATAN**

- *Berteriak: “1!,2!”*
- *Berjalan dengan masa perlahan dilakukan dalam kadar 65 langkah satu minit*

## **BERHENTI DALAM MASA PERLAHAN JALAN.**

2 Pergerakan

### **Berhenti Dengan Nombor, Berhenti - Satu.**

- Hukuman,perbuatan, “*henti!*”, diberi semasa kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di atas bumi.
- Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci dan berhenti di sebelah kaki kanan. Tapak kaki kanan di hadapan rata di atas bumi, tapak kaki kiri tergantung selari dengan bumi di tepi kaki kanan.
- Berat badan ditampung oleh kaki kanan.
- Anggota badan lain diam, pandang ke hadapan, sejauh 100 meter.

### **Skuad - Dua.**

- Dengan pantas, bawa dan angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri di sebelah kaki kanan.
- Angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah kaki kiri.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

### **Kesalahan-kesalan Biasa.**

1. Melompat, yang sepatutnya memenuhi langkah dengan kaki kiri dan bengkokkan lutut kanan dan membawa masuk kaki kanan dengan pantas.
2. Tumit kaki menjejak ke bumi terlebih dahulu.
3. Angkat kaki tidak sama paras dan hentak tidak padat
4. Tangan memegang seluar mengakibatkannya bergerak pada setiap langkah.
5. Tangan kanan bengkok mengikut pergerakan peha.
6. Siku terkeluar ke tepi.



---

**PELAJARAN 14**

---

**LANGKAH PENDEK DAN LANGKAH PANJANG**

---

---

**BERJALAN DALAM LANGKAH PANJANG.**

---

Pertunjukan dan Penerangan

---

**Langkah Panjang.**

---

- Jarak langkah kaki adalah 33 inci. Tambahan sebanyak 3 inci dari jarak biasa.
- Masa pergerakan tidak diubah, 116 - 120 langkah seminit untuk cepat jalan dan 65 langkah seminit untuk perlahan jalan.
- Digunakan untuk menambahkan kederasan dengan tidak membuat sebarang perubahan masa.

---

**BERJALAN DALAM LANGKAH PENDEK.**

---

Pertunjukan dan Penerangan

---

**Langkah Pendek.**

---

- Jarak langkah kaki adalah 21 inci. Pengurangan sebanyak 9 inci dari jarak biasa.
- Masa pergerakan tidak diubah, 116 - 120 langkah seminit untuk cepat jalan dan 65 langkah seminit untuk perlahan jalan.
- Digunakan untuk mengurangkan kederasan dengan tidak membuat sebarang perubahan masa.



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*  
     *“De...ngan langkah pendek dan tajam!”*,
- *Hukuman:*
  - a. *“Da...ri kiri!”*,
  - b. *“Da...ri kanan!”*,
- *Perbuatan:*  
     *“Cepat, jalan!”*.

## **PERINGATAN**

- *Penentuan Hukuman “Dari kiri” atau “Dari kanan” adalah berdasarkan kepada kedudukan tangan Penanda skuad*

## **BERJALAN DALAM LANGKAH PENDEK DAN TAJAM.**

Pertunjukan dan Penerangan

### **Langkah Pendek Dan Tajam.**

- Jarak langkah kaki adalah 21 inci. Pengurangan sebanyak 9 inci dari jarak biasa.
- Masa pergerakan tidak diubah, 116 - 120 langkah seminit masa cepat jalan.

### **Berjalan Dengan Langkah Pendek Dan Tajam, Cepat Jalan - Satu.**

- Dengan pantas, langkahkan kaki kiri ke hadapan sejauh 21 inci. Tapak kaki kiri di hadapan tumit terpacak di bumi, tapak kaki kanan di belakang tumit terpacak di bumi.
  - Dengan masa yang sama, lenggankan tangan kanan ke hadapan, sama paras dengan bahu dan lenggankan tangan kiri ke belakang seberapa jauh yang boleh.
- Muka pandang terus ke hadapan, sejauh 100 meter.

### **Skuad - Dua.**

- Dengan pantas, langkahkan kaki kanan ke hadapan sejauh 21 inci. Tapak kaki kanan di hadapan tumit terpacak di bumi, tapak kaki kiri di belakang tumit terpacak di bumi.
  - Dengan masa yang sama, tukarkan lenggang tangan kiri ke hadapan, sama paras dengan bahu dan lenggankan tangan kanan ke belakang seberapa jauh yang boleh.
- Muka pandang terus ke hadapan sejauh 100 meter.



## PELAJARAN 15

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - a. “...(jumlah langkah)... langkah ke hadapan...”,
  - b. “...(jumlah langkah)... langkah ke belakang...”,
- *Perbuatan:*

“Gerak!”.

### PERINGATAN

- Jumlah maksima yang boleh diperintah untuk melangkah ke hadapan atau ke belakang adalah sebanyak 3 langkah sahaja.

## LANGKAH KE HADAPAN DAN KE BELAKANG

### LANGKAH KE HADAPAN ATAU KE BELAKANG, GERAK.

#### Pertunjukan dan Penerangan

- Langkah ke hadapan dan ke belakang dilakukan dalam masa cepat jalan.
- Tangan-tangan diam di tepi seperti Kedudukan - Sedia.

#### Melangkah Satu Langkah.

- Berteriak masa, “*Satu!, Dua!*”.
- Satu langkah ke hadapan:
  - Tolak kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci dan bawa kaki kanan ke sebelah tumit kaki kiri.
  - Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah kaki kanan.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi disebelah kaki kiri.
  - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.
- Satu langkah ke belakang:
  - Tolak kaki kiri ke belakang sejauh 30 inci dan bawa kaki kanan ke sebelah tumit kaki kiri.
  - Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah kaki kanan.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi disebelah kaki kiri.
  - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.



## **PANDUAN**

- *Pergerakan-pergerakan ini mestilah diketahui terlebih dahulu, sebelum mengajar meluruskan barisan dan buka barisan gerak.*
- *Pergerakan yang sama, hendaklah dijalankan dengan hukuman, “Tutup / Buka barisan... Gerak!”.*

## **Melangkah Lebih Dari Satu Langkah.**

- Berteriak masa, “*Satu!, Satu!, Dua!*”.
- Masa pergerakan melangkah adalah seperti masa berjalan dalam masa cepat.
- Melangkah ke hadapan:
  - Langkah terakhir adalah sejauh 15 inci untuk membawa tumit kaki di belakang ke sebelah kaki yang di hadapan.
  - Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah kaki kanan.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi disebelah kaki kiri.
  - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.
- Melangkah ke belakang:
  - Langkah terakhir adalah sejauh 15 inci untuk membawa tumit kaki di hadapan ke sebelah kaki yang di belakang.
  - Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah kaki kanan.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi disebelah kaki kiri.
  - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

## **Kesalahan-kesalan Biasa.**

1. Mempercepatkan pergerakan-pergerakan dan menyebabkan langkah-langkah yang salah.
2. Membengkokkan kaki semasa membuat langkah ke hadapan dan melompat, kedua-dua kaki tidak jejak di bumi.
3. Membengkokkan pinggang.



## PELAJARAN 16

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - a. “...(jumlah langkah)... langkah, ke sebelah kanan... ”,
  - b. “...(jumlah langkah)... langkah, ke sebelah kiri... ”,
- *Perbuatan:*

“Gerak!”.

### PERINGATAN

- *Jumlah maksima yang boleh diperintah untuk melangkah ke sebelah adalah sebanyak 8 langkah sahaja.*
- *Adalah lazim bagi mengajar melangkah ke sebelah, dimulakan dengan Keadaan Senang diri.*

## LANGKAH KE SEBELAH

### LANGKAH KE SEBELAH, GERAK.

#### Pertunjukan dan Penerangan

- Langkah ke ke sebelah dilakukan dalam jarak langkah 12 inci.
- Bilangan langkah boleh ditentukan untuk skuad itu berhenti dengan masa sendiri atau membiarkan skuad itu melangkah terus sehingga diberhentikan pada langkah yang dikehendaki.

#### Dengan Bilangan Langkah Yang Ditetapkan.

- Melangkah ke kanan:
  - Angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi sejauh 12 inci di sebelah kaki kiri.
  - Dengan pantas, angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi disebelah kaki kanan.
  - Teruskan sehingga selesai bilangan langkah yang ditetapkan.
  - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.
- Melangkah ke kiri:
  - Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi sejauh 12 inci di sebelah kaki kanan.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi disebelah kaki kiri.
  - Teruskan sehingga selesai bilangan langkah yang ditetapkan.
  - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - a. *“Langkah, ke sebelah kanan...”*,
  - b. *“Langkah, ke sebelah kiri...”*,
- *Perbuatan:*

*“Gerak!”*.

### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Skwad... henti!”*.

### **PERINGATAN**

- *Untuk pergerakan skuad yang melebihi dari 8 langkah, skuad hendaklah dipusingkan ke arah kanan / ke arah kiri dan Berjalan dalam masa cepat.*

### **Tanpa Bilangan Langkah Yang Ditetapkan**

- Melangkah ke kanan:
  - Melakukan pergerakan melangkah ke kanan.
  - Teruskan sehingga mendapat hukuman perbuatan, “*Skwad... henti!*” daripada pemberi hukuman.
  - Hukuman perbuatan, “*Skwad... henti!*” diberikan apabila tapak kaki kiri dihentak padat ke bumi di sebelah kaki kanan pada pergerakan yang kedua (untuk merapatkan tumit kaki).
  - Skwad melangkah satu langkah lagi dan berhenti.
  - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.
- Melangkah ke kiri:
  - Melakukan pergerakan melangkah ke kiri.
  - Teruskan sehingga mendapat hukuman perbuatan, “*Skwad... henti!*” daripada pemberi hukuman.
  - Hukuman perbuatan, “*Skwad... henti!*” diberikan apabila tapak kaki kanan dihentak padat ke bumi di sebelah kaki kiri pada pergerakan yang kedua (untuk merapatkan tumit kaki).
  - Skwad melangkah satu langkah lagi dan berhenti.
  - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

### **Kesalahan-kesalan Biasa.**

1. Kecenderungan untuk melompat, kedua-dua tapak kaki tidak jejak di bumi pada pergerakan yang sepatutnya dilakukan mengikut aturan apabila tapak kaki yang menyosong pergerakan tapak kaki yang terdahulu di hentak padat ke bumi, baru pergerakan yang baru dilakukan.
2. Melangkah dalam jarak langkah yang tidak sama, akibatnya barisan tidak lurus.
3. Tidak merapatkan kedudukan tumit pada setiap langkah.



## PELAJARAN 17

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - a. “*Ke kanan,*”
  - b. “*Ke kiri,*”
- *Perbuatan:*

“*Belok!*”.

### PERINGATAN

- *Adalah tidak logik untuk melakukan pergerakan membelok untuk jumlah anggota dalam sebaris lebih dari enam anggota melainkan pergerakan itu dilakukan secara perlahan-lahan seperti dalam perbarisan keramaian melalui jalan-jalan raya.*

*Untuk pergerakan pergerakan membelok untuk jumlah anggota dalam sebaris lebih dari enam anggota, pergerakan pertukaran arah dilakukan dengan menjadikan barisan.*

## MEMBELOK

### PERGERAKAN MEMBELOK.

#### Penerangan

- Sama ada berjalan dalam satu barisan, bertiga-tiga atau berenam-enam, anggota di sebelah dalam hendaklah membelok di keliling bulatan iaitu garis pusat bulatan empat segi dan hendaklah menukar haluan melalui 90 darjah.
- Lakukan pergerakan Langkah Pendek dan Langkah Panjang:
  - Anggota di sebelah luar mengikuti langkah anggota di sebelah dalam dengan melakukan pergerakan memanjangkan langkah.
  - Anggota di sebelah dalam hendaklah menjeling dengan ekor mata arah keluar dan melakukan pergerakan memendekkan langkah.
- Anggota yang di belakang, berjalan lurus ke hadapan dan menuruti jejak langkah yang dilalui oleh barisan dihadapannya.
- Sekiranya:
  - Dikehendaki membelok kurang dari 90 darjah, hukuman “*Maju!*” hendaklah diberikan apabila barisan hadapan telah menghadap arah yang dikehendaki.
  - Dikehendaki membelok melebihi dari pusingan sudut 90 darjah, hukuman “*Ke kanan / Ke kiri, belok!*” hendaklah diberikan untuk kali ke dua.

#### Kesalahan-kesalan Biasa.

1. Kemungkinan bagi anggota-anggota dalam barisan belakang terkeluar dari tempat membelok.
2. Kegagalan anggota-anggota tengah, berpusing pada setiap bahagian.
3. Kehilangan jarak kerana anggota-anggota di sebelah luar tidak memanjangkan langkah mereka.





---

**PELAJARAN 18**

---

**BERPUSING DAN BERJALAN MENYERONG DALAM MASA PERLAHAN**

---

---

**Berpusing Dalam Masa Perlahan Jalan.**

---

- Berpusing dan berpusing separuh semasa berjalan mengandungi dua pergerakan:
  - Tindakan memberhentikan pergerakan langkah ke hadapan.
  - Pada ketika yang sama, menukar pergerakan ke arah yang baru.
- Pergerakan pusingan dilakukan dengan pantas dengan menjaga:
  - keadaan berjalan yang betul.
  - Arah baru pergerakan.
  - Mengisi tempat.
  - Meluruskan barisan.
  - Menjaga jarak antara barisan.
- Apabila ada pancaragam bermain atau dalam perbarisan istiadat. Pusingan hendaklah dilakukan agar selari dengan kawad skuad, dilakukan dengan pantas tanpa menghentakkan kaki.



## KE KIRI PUSING.

3 Pergerakan.

### Berpusing Dengan Nombor, Ke Kiri Pusing - Satu.

- Hukuman perbuatan, “*pusing!*”, diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan, tapak kaki kiri rata di atas bumi dan menghala ke hadapan, berhenti.
- Dengan pantas, bawa kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki menjam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.
- Diam, seperti dalam Kedudukan - Sedia.

### Skwad - Dua.

- Dengan pantas, pusingkan kepala, bahu serta badan 90 darjah ke kiri, berpusing di atas kaki kiri.
  - Dengan masa yang sama, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah kaki kiri.
- Dengan pantas, tolak kaki kiri ke hadapan dalam jarak 15 inci, tergantung.
- Diam, seperti dalam Kedudukan - Sedia.

### Skwad - Tiga.

- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan.

## BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
“*Skwad!, a...kan bergerak, ke kiri, ber...tiga-tiga!*”,
- *Hukuman:*  
“*Ke kiri...*”,
- *Perbuatan:*  
“*Pusing!*”.

## PERINGATAN

- *Berteriak masa, “Cek!, Up!”*



## Berpusing Dengan Langkah Beragak.

---

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
     *“Ber...pusing, de...ngan langkah beragak!”*,
- *Hukuman:*  
     *“Ke kiri...”*,
- *Perbuatan:*  
     *“Pusing!”*.

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
     *“Maju!”*.

## Berpusing dengan langkah beragak, Ke Kiri Pusing.

---

- Hukuman perbuatan, *“pusing!”*, diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan, tapak kaki kiri rata di atas bumi dan menghala ke hadapan.
- Dengan pantas, pusingkan kepala, bahu serta badan 90° ke kiri, berpusing di atas kaki kiri. Dengan masa yang sama, bawa kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki menjunam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah kaki kiri.
- Tolak kaki kiri ke hadapan dalam jarak 15 inci, tergantung. Berat badan ditampung oleh kaki kanan.

## Maju.

---

- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan.

## Kesalahan-kesalan Biasa.

---

1. Tidak berpusing betul 90° ke kiri / ke kanan.
2. Badan membongkok ketika menghentak kaki.
3. Tangan terkeluar dari keadaan Sedia.
4. Tidak menolak dengan pantas, kaki kiri / kaki kanan ke hadapan selepas menghentak kaki.



### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
  - a. *“Skuad!, a...kan menghadap, ke hadapan!”*,
  - b. *“Skuad!, a...kan menghadap, ke belakang!”*,
- *Hukuman:*

*“Ke belakang...”*,
- *Perbuatan:*

*“Pusing!”*.

### PERINGATAN

- *Berteriak masa, “Satu Diam!”*.

### PERINGATAN

- *Berteriak masa, “Dua Diam!”*.

### PERINGATAN

- *Berteriak masa, “Tiga Diam!”*.

## KE BELAKANG PUSING DALAM MASA PERLAHAN JALAN.

4 Pergerakan

### Berpusing Dengan Nombor,Ke Belakang Pusing - Satu.

- Hukuman perbuatan, *“pusing!”*, diberi ketika kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di bumi.
- Penuhkan langkah kaki kanan ke hadapan, tapak kaki kanan rata di atas bumi, pada kedudukan 90° ke kanan.
  - Dengan masa yang sama, pusingkan kepala, bahu dan badan 90° ke kanan.
- Dengan pantas, angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah kaki kanan.

### Skuad - Dua.

- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah kaki kiri pada kedudukan 90° ke kanan.
  - Dengan masa yang sama, pusingkan kepala, bahu serta badan pada arah pergerakan yang baru, 90° ke kanan.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

### Skuad - Tiga.

- Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah kaki kanan.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

**PERINGATAN**

- *Berteriak masa, “Empat Maju!”.*

**Skuad - Empat.**

---

- Dengan pantas, tolak kaki kanan ke hadapan sejauh 15 inci, penuhkan langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan

**Kesalahan-kesalan Biasa.**

---

1. Tidak membuat pergerakan tepat dengan kepala, bahu dan badan.
2. Menggerakan tangan pada setiap pergerakan.
3. Berpusing selangkah lebih cepat dari masa 65 langkah dalam satu minit.
4. Kegagalan untuk mengangkat lutut ke atas supaya peha sama paras dengan bumi.
5. Membenarkan kaki naik ke atas di bawah punggung iaitu bukan jari kaki dengan tegak di bawah hujung lutut.
6. Menghulur kaki ke hadapan dalam masa pergerakan ke dua dan ke tiga.



## BERJALAN MENYERONG SEPARUH KAKI.

3 Pergerakan.

### Berpusing Dengan Nombor, Ke Kiri Pusing - Satu

- Hukuman, perbuatan, “*pusing!*” diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan, tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi dan menghala ke hadapan, berhenti.
- Dengan pantas, bawa kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki menjunam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.
- Diam, seperti dalam Kedudukan - Sedia.

### Skuad - Dua.

- Dengan pantas, pusingkan kepala, bahu serta badan 45° ke kiri, berpusing di atas kaki kiri.
  - Dengan masa yang sama, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah kaki kiri.
- Dengan pantas, tolak kaki kiri ke hadapan dalam jarak 15 inci, tergantung.
- Diam, seperti dalam Kedudukan - Sedia.

### Skuad - Tiga.

- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan.

## BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
  - “*Skuad!, a...kan berjalan, me...nyerong ke kiri !*”,
  - “*Skuad!, a...kan berjalan, me...nyerong ke kanan !*”,
- *Hukuman:*
  - “*Ke separuh kiri...*”,
  - “*Ke separuh kanan...*”,
- *Perbuatan:*

“*Pusing!*”.

## PERINGATAN

- *Berjalan menyerong ke kanan, skuad dalam keadaan bergerak ke kiri bertiga-tiga. Hukuman diberi ketika kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di bumi.*

*Peringatan:*

- “*Skuad!, a...kan berjalan, me...nyerong ke kanan!*”,

*Hukuman:*

- “*Ke separuh kanan....*”,

*Perbuatan:*

- “*Pusing!*”.



## PELAJARAN 19

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
“*Skuad!, a...kan bergerak, ke kiri, ber...tiga-tiga!*”
- *Hukuman:*  
“*Ke kiri...*”
- *Perbuatan:*  
“*Pusing!*”

## BERPUSING DAN BERJALAN MENYERONG DALAM MASA CEPAT

### KE KIRI PUSING.

4 Pergerakan

#### Berpusing Dengan Nombor, Ke Kiri Pusing - Satu.

- Hukuman perbuatan, “*pusing!*”, diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan, tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi dan menghala ke hadapan, berhenti. Tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat sedikit. Kedua-dua lutut kaki tegang.
- Tangan masih dalam keadaan berleumpang.

#### Skwad - Dua.

- Dengan pantas, bawa kedua-dua tangan dalam Kedudukan - Sedia.
- Bawa kaki kanan ke hadapan, angkat kaki kanan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.

#### Skwad - Tiga.

- Dengan pantas, pusingkan kepala, bahu serta badan 90° ke kiri, berpusing di atas kaki kiri.
  - Dengan masa yang sama, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah tapak kaki kiri.
- Dengan pantas, tolak kaki kiri ke hadapan dalam jarak 15 inci, dalam keadaan hujung kaki terangkat sedikit dari bumi.
- Anggota badan lain, diam, seperti dalam Kedudukan - Sedia.



---

**Skuad - Empat.**

---

- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci, dengan tumit jejak ke bumi dahulu.
  - Dengan masa yang sama, lenggankan tangan kanan ke hadapan paras dengan bahu dan tangan kiri ke belakang seberapa jauh yang boleh.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.





## Berpusing Dengan Langkah Beragak.

---

### Berpusing dengan langkah beragak, Ke Kiri Pusing.

---

#### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*  
     *“Ber...pusing, de...ngan langkah beragak!”*,
- *Hukuman:*  
     *“Ke kiri...”*,
- *Perbuatan:*  
     *“Pusing!”*.

- Hukuman, “*Pusing!*”, diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan. Tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi dan menghala ke hadapan.berhenti, tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat sedikit. Kedua-dua lutut kaki tegang.
  - Tangan masih dalam keadaan berlelgang.
- Dengan pantas, bawa kedua-dua tangan dalam Kedudukan - Sedia.
  - Dengan masa yang sama, bawa kaki kanan ke hadapan, angkat kaki kanan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut
- Dengan pantas, pusingkan kepala, bahu serta badan 90° ke kiri, berpusing di atas kaki kiri. dalam masa yang sama, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah tapak kaki kiri.
- Dengan pantas, tolak kaki kiri ke hadapan dalam jarak 15 inci, dalam keadaan hujung kaki terangkat sedikit dari bumi.
- Anggota badan lain, diam, seperti dalam Kedudukan - Sedia.

### Maju.

---

#### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
     *“Maju!”*.

- Dengan pantas, penuhi langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci, dengan tumit jejak ke bumi dahulu.
  - Dengan masa yang sama, lenggankan tangan kanan ke hadapan paras dengan bahu dan tangan kiri ke belakang seberapa jauh yang boleh.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
  - a. “*Skuad!, a...kan menghadap, ke hadapan!*”
  - b. “*Skuad!, a...kan menghadap, ke belakang!*”
- *Hukuman:*
  - “*Ke belakang...*”
- *Perbuatan:*
  - “*Pusing!*”

## **PERINGATAN**

- *Berteriak masa, “Cek!, Potong!, Kiri !, Kanan!, Kiri!, Maju!”*

## **KE BELAKANG PUSING DALAM MASA CEPAT JALAN.**

6 Pergerakan

### **Berpusing Dengan Nombor, Ke Belakang Pusing - Satu.**

- Hukuman perbuatan, “*Pusing!*”, diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan. Tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi, tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat sedikit.
- Tangan masih dalam keadaan berlejang.

### **Skuad - Dua.**

- Dengan pantas, bawa kaki kanan ke hadapan, tumit kaki kanan berada di perut (lekuk) tapak kaki kiri, tergantung.
  - Dengan masa yang sama, bawa kedua-dua tangan seperti Kedudukan - Sedia.
- Berteriak masa “*Dua!*”.

### **Skuad - Tiga.**

- Dengan pantas, pusingkan kepala, bahu dan badan 90° ke kanan, jejakkan kaki kanan ke bumi dan berpusing atas kaki kanan.
  - Dengan masa yang sama, angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan lutut, hentak padat tapak kaki kiri di sebelah tapak kaki kanan.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

### **Skuad - Empat.**

- Dengan pantas, pusingkan kepala, bahu dan badan 90° ke kanan, berpusing atas kaki kiri.
  - Dengan masa yang sama, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras,



hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri.

- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

#### **Skuad - Lima.**

---

- Dengan pantas, angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan lutut, hentak padat tapak kaki kiri di sebelah tapak kaki kanan.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

#### **Skuad - Enam.**

---

- Langkahkan kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci, tumit pacak.
  - Dengan masa yang sama, lenggangkan tangan kiri ke hadapan paras dengan bahu dan tangan kanan ke belakang seberapa jauh yang boleh.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.

#### **Kesalahan-kesalahan Biasa.**

---

1. Menghulur tangan ke hadapan pada pergerakan ke dua dan ke tiga.
2. Melangkah kaki kanan pada pergerakan ke enam dan tidak melenggangkan tangan dengan sama.



## BERJALAN MENYERONG SEPARUH KAKI.

4 Pergerakan.

### Berjalan Menyerong Dengan Nombor, Ke Separuh Kiri Pusing - Satu

- Hukuman perbuatan, “*Pusing!*”, diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan. Tapak kaki kiri rata di atas bumi dan menghala ke hadapan, berhenti, Tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat sedikit. Kedua-dua lutut kaki tegang.
  - Tangan masih dalam keadaan berleumpang.

#### Skuad - Dua.

- Dengan pantas, bawa kedua-dua tangan dalam Kedudukan - Sedia.
- Bawa kaki kanan ke hadapan, angkat kaki kanan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.

#### Skuad - Tiga.

- Dengan pantas, pusingkan kepala, bahu serta badan 45° ke kiri, berpusing di atas kaki kiri.
  - Dengan masa yang sama, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah kaki kiri.
- Dengan pantas, tolak kaki kiri ke hadapan dalam jarak 15 inci, dalam keadaan hujung kaki terangkat sedikit dari bumi.
- Anggota badan lain, diam, seperti dalam Kedudukan - Sedia.

#### Skuad - Empat.

- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci, dengan tumit jejak ke bumi dahulu.
  - Dengan masa yang sama, lenggankan tangan kanan ke hadapan paras dengan bahu dan tangan kiri ke belakang seberapa jauh yang boleh.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.

## BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
  - “*Skuad!, a...kan berjalan, me...nyerong ke kiri !*”,
  - “*Skuad!, a...kan berjalan, me...nyerong ke kanan !*”,
- *Hukuman:*
  - “*Ke separuh kiri...*”,
  - “*Ke separuh kanan...*”,
- *Perbuatan:*

“*Pusing!*”.

## PERINGATAN

- *Berjalan menyerong ke kanan, skuad dalam keadaan bergerak ke kiri bertiga-tiga. Hukuman diberi ketika kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di bumi.*

*Peringatan:*

- “*Skuad!, a...kan berjalan, me...nyerong ke kanan!*”,

*Hukuman:*

- “*Ke separuh kanan....*”,

*Perbuatan:*

- “*Pusing!*”



## PELAJARAN 20

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
    “*Skuad!*”,
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
    “*Hentak... kaki!*”.

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
    “*Skuad.... henti!*”.

## HENTAK KAKI BERHENTI MAJU DALAM MASA PERLAHAN DAN CEPAT

### HENTAK KAKI - PERLAHAN.

Pertunjukan dan Penerangan

#### Hentak Kaki - Perlahan.

- Anggota badan lain, diam seperti dalam keadaan Sedia.
- Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, jatuhkan dengan perlahan tapak kaki kiri di sebelah tapak kaki kanan, tanpa bunyi.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, jatuhkan dengan perlahan tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri, tanpa bunyi.
- Lakukan pergerakan bertukar ganti dalam masa 65 pergerakan dalam satu minit.

### BERHENTI DARI HENTAK KAKI - PERLAHAN.

Pertunjukan dan Penerangan

#### Berhenti Dari Hentak Kaki - Perlahan.

- Hukuman perbuatan, “*Henti!*”, diberi ketika kaki kanan naik penuh, tapak kaki kiri rata di bumi.
- Bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, jatuhkan dengan perlahan tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri, tanpa bunyi.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.



---

**Kesalahan-kesalan Biasa.**

---

1. Tidak menjaga masa pergerakan sehingga melebihi masa 65 pergerakan dalam satu minit.
2. Tidak berada di tempat yang tetap, mengakibatkan barisan kehilangan jarak dan lurus.
3. Anggota badan lain tidak dalam kedudukan Sedia, mengerjakan anggota badan, bahu dan tangan.
4. Memandang ke bawah memerhatikan pergerakan kaki.



---

## HENTAK KAKI DARIPADA MASA - PERLAHAN JALAN.

---

Pertunjukan dan Penerangan

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
“*Skuad!...*”.
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
“*Hentak... kaki!?*”.

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
“*Maju!*”.

---

### Hentak Kaki.

---

- Hukuman perbuatan, “*Kaki!*”, diberi ketika kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di bumi.
- Penuhkan langkah kaki kanan ke hadapan dan berhenti.
- Dengan pantas, angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, jatuhkan dengan perlahan tapak kaki kiri di sebelah tapak kaki kanan, tanpa bunyi.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, jatuhkan dengan perlahan tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri, tanpa bunyi.
- Lakukan pergerakan bertukar ganti dalam masa 65 pergerakan dalam satu minit.

---

### Maju.

---

- Hukuman perbuatan, “*Maju!*”, diberi ketika kaki kanan naik penuh, tapak kaki kiri rata di bumi.
- Bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, jatuhkan dengan perlahan tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri, tanpa bunyi.
- Dengan pantas, tolak kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*  
“*Skuad!...*”,
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
“*Hentak, kaki!*”.

### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
“*Skuad.... henti!*”.

### **HENTAK KAKI - CEPAT.**

Pertunjukan dan Penerangan

#### **Hentak Kaki.**

- Anggota badan lain, diam seperti dalam Kedudukan - Sedia.
- Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah tapak kaki kanan.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah tapak kaki kiri.
- Lakukan pergerakan bertukar ganti dalam masa 116 pergerakan dalam satu minit.

### **BERHENTI DARI HENTAK KAKI - CEPAT.**

Pertunjukan dan Penerangan

#### **Berhenti Dari Hentak Kaki - Cepat.**

- Hukuman perbuatan, “*Henti!*”, diberi ketika kaki kiri naik penuh, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah tapak kaki kanan.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah tapak kaki kiri.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.





---

**Kesalahan-kesalan Biasa.**

---

1. Tidak menjaga masa pergerakan sebanyak 116 pergerakan dalam satu minit.
2. Memandang ke bawah memerhatikan pergerakan kaki.
3. Tidak berada di tempat yang tetap, mengakibatkan barisan kehilangan jarak dan lurus.
4. Anggota badan lain tidak dalam kedudukan Sedia, mengerakkan anggota badan, bahu dan tangan.
5. Membongkokkan badan semasa pergerakan menghentak kaki bersilih ganti.
6. Mengangkat kaki terlalu jauh ke belakang, sepatutnya hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.



## HENTAK KAKI DARIPADA MASA - CEPAT JALAN.

Pertunjukan dan Penerangan

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
“*Skuad!...*”,
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
“*Hentak, kaki!*”.

### Hentak Kaki.

- Hukuman perbuatan, “*kaki!*”, diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan dan berhenti. Bawa kaki kanan ke hadapan sejauh 15 inci di sebelah kaki kiri.
- Dengan pantas, bawa ke dua-dua tangan ke dalam Kedudukan - Sedia.
- Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah tapak kaki kanan.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah tapak kaki kiri.
- Lakukan pergerakan bertukar ganti dalam masa 116 pergerakan dalam satu minit.

### Maju.

- Hukuman perbuatan, “*Maju!*”, diberi ketika kaki kiri naik, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah tapak kaki kanan.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah tapak kaki kiri.
- Dengan pantas, langkahkan kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci dan tumit kaki pacak. Dalam masa yang sama lenggalkan tangan kanan dan kiri.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
“*Maju!*”.



## PELAJARAN 21

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
*“Tu...kar langkah masa berjalan”*,
- *Perbuatan:*  
*“Tukar... langkah!”*.

### PERINGATAN

- Jika hukuman, **“Teruskan!”** di beri, skuad hendaklah melakukan pergerakan tukar langkah secara berterusan sehingga hukuman, **“Maju!”** di beri.
- Tukar langkah kaki kanan boleh diberi dengan hukuman, **“Tukar,”** diberi di atas tapak kaki kanan rata di bumi dan hukuman **“Langkah!”** diberi di atas tapak kaki kiri rata di bumi, berturut-turut.

## TUKAR LANGKAH MASA PERLAHAN DAN CEPAT

### TUKAR LANGKAH MASA PERLAHAN.

3 Pergerakan

#### Tukar Langkah Dengan Nombor, Tukar Langkah - Satu.

- Hukuman diberi secara berturut-turut. Hukuman perbuatan, **“Tukar,”** diberi di atas tapak kaki kiri rata di bumi dan hukuman perbuatan, **“Langkah!”** diberi di atas tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci dan berhenti. Tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi, tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat sedikit.
- Anggota badan lain, diam seperti dalam Kedudukan - Sedia.

#### Skuad - Dua.

- Bawa dan angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, jatuhkan dengan perlahan tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri, tanpa bunyi.
- Dengan pantas, tolak kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci, tergantung.
- Diam, seperti dalam Kedudukan - Sedia.

#### Skuad - Tiga.

- Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan.



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - “*Tu...kar langkah masa berjalan*”,
- *Perbuatan:*
  - “*Tukar, langkah!*”.

## **PERINGATAN**

- *Jika hukuman, “Teruskan!” di beri, skuad hendaklah melakukan pergerakan tukar langkah secara berterusan sehingga hukuman, “Maju!” di beri.*
- *Tukar langkah kaki kanan boleh diberi dengan hukuman, “Tukar,” diberi di atas tapak kaki kanan rata di bumi dan hukuman “Langkah!” diberi di atas tapak kaki kiri rata di bumi, berturut-turut.*

## **TUKAR LANGKAH MASA CEPAT.**

3 Pergerakan

### **Tukar Langkah Dengan Nombor, Tukar Langkah - Satu.**

- Hukuman diberi secara berturut-turut. Hukuman perbuatan, “*Tukar,*” diberi di atas tapak kaki kiri rata di bumi dan hukuman perbuatan, “*Langkah!*” diberi di atas tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci dan berhenti. Tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi, tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat sedikit.
- Lenggangkan tangan kanan ke hadapan paras bahu dan tangan kiri di belakang seberapa jauh yang boleh.

### **Skuad - Dua.**

- Bawa dan angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah tapak kaki kiri.
- Dengan pantas, tolak kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci, tergantung.
- Bawa tangan ke dalam Kedudukan - Sedia.

### **Skuad - Tiga.**

- Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci.
- Lenggangkan tangan kanan ke hadapan paras bahu dan tangan kiri di belakang seberapa jauh yang boleh.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.

### **Kesalahan-kesalan Biasa.**

1. Menghayunkan bahu pada pergerakan yang sepatutnya melenggangkan tangan.
2. Tidak membuat pergerakan ke hadapan satu langkah penuh lagi bagi kaki kiri apabila dapat hukuman, perbuatan “*langkah!*” yang diberi di atas tapak kaki kanan rata di bumi.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
*“Tu...kar langkah masa hentak kaki!”*
- *Perbuatan:*  
*“Tukar, langkah!”*

### **PERINGATAN**

- *Tukar langkah masa hentak kaki boleh diberi dengan hukuman, “Tukar,” diberi di atas tapak kaki kanan rata di bumi, kaki kiri diangkat penuh dan hukuman “Langkah!” diberi di atas tapak kaki kiri rata di bumi, kaki kanan diangkat penuh. Berturut-turut.*

### **TUKAR LANGKAH MASA HENTAK KAKI.**

---

Pertunjukan dan Penerangan

#### **Tukar Langkah Masa Hentak Kaki..**

---

- Hukuman diberi secara berturut-turut. Hukuman perbuatan, “*Tukar,*” diberi di atas tapak kaki kiri rata di bumi, kaki kanan di angkat penuh dan hukuman perbuatan, “*Langkah!*” diberi di atas tapak kaki kanan rata di bumi, kaki kiri diangkat penuh.
- Dengan pantas, lakukan dua kali hentak untuk kaki kanan. Angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah tapak kaki kiri.
- Teruskan hentak kaki dengan pergerakan bertukar ganti dalam masa 116 pergerakan dalam satu minit.

#### **Kesalahan-kesalan Biasa.**

---

1. Membengkokkan badan apabila melakukan pergerakan hentak kaki.
2. Tidak membengkokkan lutut, peha sama paras.



## PELAJARAN 22

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - a. *“Da...ri kiri!”*,
  - b. *“Da...ri kanan!”*,
- *Perbuatan:*
  - “Cepat, lari!”*.

### PERINGATAN

- *Jarak satu langkah untuk langkah berlari adalah 40 inci dan kadar pergerakan untuk langkah berlari adalah 180 langkah dalam satu minit.*
- *Penentuan Hukuman “Dari kiri” atau “Dari kanan” adalah berdasarkan kepada kedudukan tangan Penanda skuad*

## BERLARI HENTAK KAKI DAN BERHENTI

### **BERLARI.**

Pertunjukan dan Penerangan

### **Cepat Lari.**

- Mula melangkah pergerakan berlari dengan kaki kiri dengan di atas hujung tapak kaki jejak ke bumi.
- Kaki diangkat dengan kemas dari bumi pada setiap langkah, peha, lutut serta sendi-sendi buku lali hendaklah bergerak dengan bebas.
- Tumit tidak diangkat ke arah punggung tetapi kaki diangkat lurus ke hadapan dan bahagian hujung kaki diletakkan ringgan di atas bumi.
- Bongkokkan badan sedikit ke hadapan tetapi pelihara pembawaan badan yang betul.
- Badan bergerak ke hadapan dengan tolakan dari kaki belakang tanpa membuang tenaga.
- Tangan dibengkokkan dengan lengan bawah membuat sudut lebih kurang 135° dengan pangkal lengan dan dihayun dengan cepat.

### **Kesalahan-kesalan Biasa.**

1. Melangkah dalam jarak langkah yang terlalu panjang pada bahagian hadapan skuad, akibatnya anggota di belakang tercicir.
2. Mencepatkan kadar pergerakan langkah berlari, akibatnya kehilangan gaya berlari sebagai tentera.
3. Berlari di atas tumit kaki dan memandang ke bawah semasa berlari.
4. Menghayunkan bahu.



## BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
“*Skuad!...*”,
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
“*Hentak, kaki!?*”.

## BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
“*Maju!*”.

## HENTAK KAKI BERLARI.

Pertunjukan dan Penerangan

### Hentak Kaki.

- Hukuman diberi secara berturut-turut. Hukuman perbuatan, “*Hentak,*” diberi di atas hujung tapak kaki kiri jejak ke bumi. dan hukuman perbuatan, “*Kaki!*” diberi di atas hujung tapak kaki kanan jejak di bumi.
- Penuhkan langkah berlari kaki kiri ke hadapan dan berhenti dan bawa kaki kanan ke hadapan sejauh 15 inci di sebelah kaki kiri.
- Dengan pantas, angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak hujung tapak kaki kiri ke bumi di sebelah kaki kanan.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak hujung tapak kaki kanan ke bumi di sebelah kaki kiri.
- Lakukan pergerakan bertukar ganti dalam masa 180 pergerakan dalam satu minit.

### Maju.

- Hukuman perbuatan, “*Maju!*”, diberi ketika kaki kiri naik, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak hentak hujung tapak kaki kiri ke bumi di sebelah kaki kanan.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak hujung tapak kaki kanan ke bumi di sebelah kaki kiri.
- Dengan pantas, langkahkan kaki kiri ke hadapan sejauh 40 inci dan teruskan pergerakan ke hadapan, Cepat lari.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*  
    *“Skuad!...”,*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
    *“Henti!”.*

### **PERINGATAN**

- *Adalah lazim untuk menukarkan skuad kepada langkah cepat jalan sebelum hukuman “Skuad!... Henti!” diberikan.*

### **BERHENTI SEMASA HENTAK KAKI BERLARI.**

Pertunjukan dan Penerangan

#### **Berhenti Dari Hentak Kaki - Berlari.**

- Hukuman perbuatan, “*Henti!*” diberi ketika kaki kiri naik penuh, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak hujung tapak kaki kiri ke bumi di sebelah kaki kanan.
- Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak hujung tapak kaki kanan ke bumi di sebelah kaki kiri.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

#### **Kesalahan-kesalahan Biasa.**

1. Melakukan pergerakan melompat dengan tidak menjejakkan kedua-dua kaki dari bumi secara serentak.
2. Kehilangan ketepatan dalam cara berhenti.





## PELAJARAN 23

### TUKAR LANGKAH PERLAHAN CEPAT DAN BERLARI

#### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
*“Tu...kar langkah cepat!”*
- *Perbuatan:*  
*“Cepat, jalan!”*

#### TUKAR LANGKAH CEPAT DARI PERLAHAN JALAN.

Pertunjukan dan Penerangan

#### Tukar Langkah Cepat - Cepat Jalan.

- Hukuman diberi secara berturut-turut. Hukuman perbuatan, “*Cepat*,” diberi di atas tapak kaki kiri rata di bumi. dan hukuman perbuatan, “*Jalan!*” diberi di atas tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci, tumit pacak.
  - Dengan masa yang sama, dengan pantas, lenggangkan tangan kanan ke hadapan paras bahu dan tangan kiri di belakang seberapa jauh yang boleh.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.

#### Kesalahan-kesalan Biasa.

1. Membuat langkah pertama yang terlalu gopoh, akibatnya gagal mendapat rentak berjalan dalam masa cepat yang betul pada permulaan.
2. Tidak membuat pergerakan pacak tumit kaki kiri di atas bumi pada langkah yang pertama.
3. Gagal melenggangkan tangan semasa permulaan.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
     *“Tu...kar langkah perlahan!”*
- *Perbuatan:*  
     *“Perlahan... jalan!”*

### **PERINGATAN**

- *Berteriak masa, “Cek!, Up! Kiri!”*.

## **TUKAR LANGKAH PERLAHAN DARI CEPAT.**

3 Pergerakan

### **Tukar Langkah Perlahan Dengan Nombor, Perlahan Jalan - Satu.**

- Hukuman perbuatan, “*Jalan!*” diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci dan berhenti.
- Tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi, tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat dari bumi.
  - Kedua-dua tangan masih dalam keadaan berlunggang.

### **Skwad - Dua.**

- Dengan pantas, bawa dan angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri.
  - Dengan masa yang sama, bawa kedua-dua tangan ke dalam Kedudukan - Sedia.
- Dengan pantas, tolak kaki kiri ke hadapan sejauh 15 inci, tergantung.

### **Skwad - Tiga.**

- Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan.

### **Kesalahan-kesalahan Biasa.**

1. Tidak membengkokkan lutut kanan dengan cepat, akibatnya terjadi pergerakan melompat.
2. Menghayunkan bahu kanan ke belakang, tidak melakukan pergerakan membengkokkan lutut kanan.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
*“Tu...kar langkah berlari!”*
- *Perbuatan:*  
*“Cepat, lari!”*

### **PERINGATAN**

- *Jarak satu langkah untuk langkah berlari adalah 40 inci dan kadar pergerakan untuk langkah berlari adalah 180 langkah dalam satu minit.*

### **TUKAR LANGKAH BERLARI DARI CEPAT JALAN.**

---

Pertunjukan dan Penerangan

#### **Tukar Langkah Berlari, Cepat Lari.**

---

- Hukuman diberi secara berturut-turut. Hukuman perbuatan, “*Cepat*,” diberi di atas tapak kaki kiri rata di bumi. dan hukuman perbuatan, “*Lari!*”, diberi di atas tapak kaki kanan rata di bumi.
- Dengan pantas, langkahkan kaki kiri ke hadapan sejauh 40 inci dan teruskan pergerakan ke hadapan dalam cepat lari.
  - Dengan masa yang sama, tangan dibengkokkan dengan lengan bawah membuat sudut lebih kurang 135° dengan pangkal lengan dan dihayun dengan cepat.

#### **Kesalahan-kesalahan Biasa.**

---

1. Pengenduran kawalan dan rentak dengan serta merta.
2. Membiarkan kepala tunduk ke hadapan.



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
*“Tu...kar langkah berjalan!”*
- *Perbuatan:*  
*“Cepat, jalan!”*

### **PERINGATAN**

- *Jarak satu langkah untuk langkah berlari adalah 30 inci dan kadar pergerakan untuk cepat jalan adalah 116 langkah dalam satu minit*

## **TUKAR LANGKAH CEPAT JALAN DARI BERLARI.**

---

Pertunjukan dan Penerangan

### **Tukar Langkah Berjalan, Cepat Jalan.**

---

- Hukuman diberi secara berturut-turut. Hukuman perbuatan, “*Cepat*,” diberi di atas hujung tapak kaki kiri jejak ke bumi. dan hukuman perbuatan, “*jalan!*”, diberi di atas hujung tapak kaki kanan jejak di bumi.
- Terus, penuhkan langkah berlari untuk dua langkah lagi, langkahkan kaki kiri ke hadapan dan kaki kanan ke hadapan sejauh 40 inci.
- Dengan pantas, tukar kepada cepat jalan. Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci, tumit pacak.
  - Dengan masa yang sama, dengan pantas, lenggankan tangan kanan ke hadapan paras bahu dan tangan kiri di belakang seberapa jauh yang boleh.
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.

### **Kesalahan-kesalahan Biasa.**

---

1. Tidak dapat melakukan pergerakan cepat jalan dengan betul dengan pantas.



**BAB 3**

BERJALAN DALAM BARISAN DAN MENU-  
KAR ARAH

---



---

## ULASAN RINGKAS

### BERJALAN DALAM BARISAN DAN MENUKAR ARAH

---

Kawad dalam barisan adalah merupakan salah satu upacara dalam istiadat-istiadat ketenteraan.

#### **Berjalan Dalam Barisan**

---


- Memerlukan usaha bersungguh-sungguh dari setiap anggota yang mengambil bahagian untuk melaksanakan dengan betul.
- Usaha ini adalah merupakan salah satu cara untuk menanamkan semangat bekerjasama dan tatatertib pasukan.



## PELAJARAN 24



KOMANDER



## BERJALAN BARISAN MELINTANG DALAM MASA PERLAHAN

### DALAM MASA PERLAHAN JALAN

Penerangan

#### Berjalan Dengan Nombor, Cepat Jalan - Satu.

- Jurulatih mesti menerangkan kegunaan amaran hukuman kawad:
  - “*Ke hadapan!*”
  - “*Ke belakang!*”
  - “*Menyerong ke separuh kiri!*”
- Perkara - perkara berikut mestilah ditunjuk ajar dan dilatih:
  - Memilih satu tanda di hadapan dan berjalan menuju ke arahnya supaya memelihara barisan yang lurus.
  - Membetulkan barisan yang tidak lurus secara beransur-ansur, melalui jelingan anak mata.
  - Bagaimana memelihara jarak dan lurus barisan.
  - Berjalan dalam satu langkah yang penuh dan berhenti supaya tidak hilang lurus barisan.


#### Kesalahan-kesalan Biasa.

1. Tidak memelihara jarak, jauh dan lurus barisan dengan betul.
2. Berlari atau membetul dengan mengejut bagi mendapatkan semula lurus barisan, sepatutnya dilakukan secara beransur-ansur.
3. Berjalan dan berhenti dengan jarak langkah yang tidak betul dan sama.
4. Melangkah satu langkah melebihi jarak satu langkah masa cepat dan perlahan jalan iaitu 30 inci.



### BAHASA HUKUMAN

- *Berpusing ke kanan*  
**“Skuad!, a...kan menghadap ke hadapan, ke kanan... pusing!”**
- *Berpusing ke kiri*  
**“Skuad!, a...kan menghadap ke belakang, ke kiri... pusing!”**
- *Berpusing ke belakang*  
**“Skuad!, a...kan bergerak ke kanan, bertiga-tiga, ke belakang... pusing!”**
- *Menyerong ke kiri / kanan*  
**“Skuad!, a...kan berjalan menyerong, ke kiri / ke kanan, ke separuh kiri... / ke separuh kanan... pusing!”**



### BAHASA HUKUMAN


- *Berpusing ke kiri*  
**“Skuad!, a...kan menghadap ke hadapan, ke kiri... pusing!”**
- *Berpusing ke kanan*  
**“Skuad!, a...kan menghadap ke belakang, ke kanan... pusing!”**
- *Berpusing ke belakang*  
**“Skuad!, ...kan bergerak ke kiri, bertiga-tiga, ke belakang... pusing!”**
- *Menyerong ke kiri / kanan*  
**“Skuad!, a...kan berjalan menyerong, ke kiri / ke kanan, ke separuh kiri... / Ke separuh kanan... Pusing!”**





### BAHASA HUKUMAN

- *Berpusing ke kiri*  
*“Skuad!, a...kan bergerak ke kiri, bertiga-tiga, ke kiri... pusing!”*
- *Berpusing ke kanan*  
*“Skuad!, a...kan bergerak ke kanan, bertiga-tiga, ke kanan... pusing!”*
- *Berpusing ke belakang*  
*“Skuad!, a...kan menghadap ke belakang, ke belakang... pusing!”*



### BAHASA HUKUMAN


- *Berpusing ke kiri*  
*“Skuad!, a...kan bergerak ke kiri, bertiga-tiga, ke kanan... pusing!”*
- *Berpusing ke kanan*  
*“Skuad!, a...kan bergerak ke kanan, bertiga-tiga, ke kiri... pusing!”*
- *Berpusing ke belakang*  
*“Skuad!, a...kan menghadap ke hadapan, ke belakang... pusing!”*



## PELAJARAN 25


### BUKA DAN TUTUP BARISAN

#### Hentak Kaki Daripada Perlahan - Jalan.



KOMANDER

- Jangka masa pergerakan hentak kaki dalam masa perlahan jalan, 65 langkah satu minit.
- Hentak kaki daripada perlahan - Jalan:
  - Dengan pantas, angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, jatuhkan dengan perlahan tapak kaki kiri di sebelah tapak kaki kanan, tanpa bunyi.
  - Dengan pantas, angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, jatuhkan dengan perlahan tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri, tanpa bunyi



#### PERINGATAN

- *Pergerakan Buka dan Tutup Barisan, tidak dilakukan pada pergerakan, Berjalan dalam masa cepat*



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
*“Buka, barisan!”.*

## **BUKA BARISAN**

---

Pertunjukan dan Penerangan

### **Perlaksanaan Hukuman.**

---

- Buka barisan daripada perlahan jalan:
  - Hukuman diberi secara berturut-turut. Hukuman perbuatan, “*Buka*,” diberi di atas hujung tapak kaki kanan jejak ke bumi. dan hukuman perbuatan, “*Barisan!*”, diberi di atas hujung tapak kaki kiri jejak di bumi.
  - Penuhkan langkah kaki kanan ke hadapan dan berhenti.

### **Barisan Hadapan.**

---

- Tidak melakukan pergerakan, Hentak kaki daripada perlahan - Jalan:
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan.

### **Barisan Tengah.**

---

- Lakukan pergerakan, Hentak kaki daripada perlahan - Jalan:
  - Lakukan pergerakan menghentak kaki sebanyak dua kali.
- Maju ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan (dengan masa sendiri).

### **Barisan Belakang.**

---

- Lakukan pergerakan, Hentak kaki daripada perlahan - Jalan:
  - Lakukan pergerakan menghentak kaki sebanyak empat kali.
- Maju ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan (dengan masa sendiri).



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

***“Tutup, barisan!”***

## **TUTUP BARISAN**

---

Pertunjukan dan Penerangan

### **Perlaksanaan Hukuman.**

---

- Buka barisan daripada perlahan jalan:
  - Hukuman diberi secara berturut-turut. Hukuman perbuatan, *“Tutup,”* diberi di atas hujung tapak kaki kanan jejak ke bumi. dan hukuman perbuatan, *“Barisan!”*, diberi di atas hujung tapak kaki kiri jejak di bumi.
  - Penuhkan langkah kaki kanan ke hadapan dan berhenti.

### **Barisan Hadapan.**

---

- Lakukan pergerakan, Hentak kaki daripada perlahan - Jalan:
  - Lakukan pergerakan menghentak kaki sebanyak empat kali.
- Maju ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan (dengan masa sendiri).

### **Barisan Tengah.**

---

- Lakukan pergerakan, Hentak kaki daripada perlahan - Jalan:
  - Lakukan pergerakan menghentak kaki sebanyak dua kali.
- Maju ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan (dengan masa sendiri).

### **Barisan Belakang.**

---

- Tidak melakukan pergerakan, Hentak kaki daripada perlahan - Jalan:
- Teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan.




## PELAJARAN 26

### MEMBELOK DALAM BARISAN PERLAHAN JALAN

#### Tukar Haluan.

- Menukar haluan adalah satu pergerakan yang mana satu skuad itu dalam kedudukan jajaran:
  - Menukar haluannya ke rusuk kiri atau kanan.
  - Menjadikan bentuk jajaran. Barisan tidak berubah.
  - Haluan berubah.





### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
     *“Tu...kar haluan, ke... kanan dan berhenti!”*,
- *Perbuatan:*  
     *“Ke kanan... Tukar!”*.

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
     *“Cepat, jalan!”*.

### PERINGATAN

- *Jika hukuman, “dan... berhenti!” tidak diberi, skuad akan membuat pergerakan menghentak kaki dan luruskan barisan. Selepas itu hukuman, “Maju!” atau “Skuad... henti!” akan diberi*

### DALAM BERHENTI.

Pertunjukan dan Penerangan

#### Tukar Haluan Ke Kanan Dan Berhenti, Ke Kanan Tukar.

- Jurulatih mesti menerangkan kegunaan amaran hukuman kawad:
- Orang disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kanan), berpusing 90° ke kanan.
  - Dengan masa yang sama, anggota lain di barisan hadapan, berpusing 45° ke separuh kanan.
- Anggota lain pada barisan tengah dan barisan belakang, Diam.

#### Cepat Jalan.

- Orang disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kanan), bergerak ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat sejauh tiga langkah dan berhenti.
- Dengan masa yang sama:
  - Anggota lain di barisan hadapan, bergerak ke hadapan, Berjalan menyerong separuh kaki dalam masa cepat, menghadap ke haluan baru dan meluruskan barisan berpandukan Penanda kanan, berhenti.
  - Barisan tengah dan barisan belakang bergerak ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat dan membelok dengan masa sendiri menghadap haluan baru dan berhenti.
- Luruskan barisan dari kanan ke kiri.

#### Peringatan.

- Pergerakan ini sentiasa digunakan bagi menukar haluan apabila ada lebih enam anggota dalam satu barisan.
- Pergerakan ini lazimnya diajar dari berhenti ke berhenti, bergilir-gilir mengikut barisan.



### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
     *“Tu...kar haluan, ke... kanan dan berhenti!”*,
- *Perbuatan:*  
     *“Ke kanan... Tukar!”*.

### PERINGATAN

- *Jika hukuman, “dan... berhenti!” tidak diberi, skuad akan membuat pergerakan menghentak kaki dan luruskan barisan. Selepas itu hukuman, “Maju!” atau “Skuad... Henti!” akan diberi.*

### MASA BERJALAN - CEPAT.

Pertunjukan dan Penerangan

#### **Tukar Haluan Ke Kanan Dan Berhenti, Ke Kanan Tukar.**

- Hukuman perbuatan, “*Tukar!*”, diberi ketika kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di bumi.
- Dengan pantas:
  - Orang disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kanan), berpusing 90° ke kanan.
    - Dengan masa yang sama, anggota lain di barisan hadapan, berpusing 45° ke separuh kanan.
- Teruskan pergerakan berjalan:
  - Orang disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kanan), bergerak ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat sejauh tiga langkah dan berhenti.
  - Dengan masa yang sama:
    - Anggota lain di barisan hadapan, bergerak ke hadapan, Berjalan menyerong separuh kaki, menghadap ke haluan baru dan meluruskan barisan berpandukan Penanda kanan, berhenti.
    - Barisan tengah dan barisan belakang bergerak ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat dan membelok dengan masa sendiri menghadap haluan baru dan berhenti.
- Luruskan barisan dari kanan ke kiri.

#### **Kesalahan-kesalahan Biasa.**

1. Tidak memelihara jarak yang betul.
2. Menambah kadar berjalan pada rusuk luar atau apabila menghentak kaki.
3. Menambah panjang langkah.
4. Tidak berhenti atau membuat pergerakan Hentak kaki dari cepat jalan pada kaki yang betul.
5. Menghentak kaki masa berpusing.




## PELAJARAN 27

### BERJALAN BARISAN MELINTANG DALAM MASA PERLAHAN

#### MEMBELOK

##### Pertunjukan dan Penerangan

- Membelok adalah satu pergerakan yang mana satu skuad itu dalam kedudukan jajaran:
  - Menukar haluannya ke kiri atau kanan.
  - Menjadikan bentuk jajaran. Barisan tidak berubah.
  - Haluan berubah







### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*
  - a. **“Ke kanan, belok!”**.
  - b. **“Ke kiri, belok!”**.

### **PERINGATAN**

- *Pergerakan ini **tidak boleh** dilakukan jika terdapat lebih dari enam anggota di setiap barisan dalam jajaran*

### **Membelok.**

- Sama ada berjalan dalam satu barisan, bertiga-tiga atau berenam-enam, anggota di sebelah dalam hendaklah membelok di keliling bulatan iaitu garis pusat bulatan empat segi dan hendaklah menukar haluan melalui 90°.
- Selalunya pergerakan membelok adalah tertakluk pada kebolehan anggota di sebelah luar mengikut langkah anggota di sebelah dalam dengan memanjangkan langkah sementara anggota di sebelah dalam hendaklah menjeling dengan ekor mata arah keluar dan memendekkan langkahnya.
- Lakukan pergerakan Langkah pendek dan langkah panjang.
- Anggota yang di belakang, berjalan lurus ke hadapan dan menuruti jejak langkah yang dilalui oleh barisan hadapan.
- Sekiranya:
  - Dikehendaki membelok kurang dari 90° darjah, hukuman “*Maju!*” hendaklah diberikan apabila barisan hadapan telah menghadap arah yang dikehendaki.
  - Dikehendaki membelok melebihi dari pusingan sudut 90°, hukuman “*Ke kanan / kiri, Belok!*” hendaklah diberikan untuk kali ke dua.

### **Kesalahan-kesalahan Biasa.**

1. Kemungkinan bagi anggota-anggota dalam barisan belakang terkeluar dari tempat membelok.
2. Kegagalan anggota-anggota tengah, berpusing pada setiap bahagian.
3. Kehilangan jarak kerana anggota-anggota di sebelah luar tidak memanjangkan langkah mereka.




## PELAJARAN 28

### TUKAR HALUAN KE KIRI DALAM MASA CEPAT

#### Tukar Haluan.

- Menukar haluan adalah satu pergerakan yang mana satu skuad itu dalam kedudukan jajaran:
  - Menukar haluannya ke rusuk kiri atau kanan.
  - Menjadikan bentuk jajaran. Barisan tidak berubah.
  - Haluan berubah.





### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
     *“Tu...kar haluan, ke... kiri dan berhenti!”*,
- *Perbuatan:*  
     *“Ke kiri... Tukar!”*

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
     *“Cepat, jalan!”*.

### PERINGATAN

- *Jika hukuman, “dan... berhenti!” tidak diberi, skuad akan membuat pergerakan menghentak kaki dan luruskan barisan. Selepas itu hukuman, “Maju!” atau “Skuad... Henti!” akan diberi*

### DALAM BERHENTI.

Pertunjukan dan Penerangan

#### Tukar Haluan Ke Kiri Dan Berhenti, Ke Kiri Tukar.

- Orang disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kiri), berpusing 90° ke kiri.
  - Dengan masa yang sama, anggota lain di barisan hadapan, berpusing 45° ke separuh kiri.
- Anggota lain pada barisan tengah dan barisan belakang, Diam.

#### Cepat Jalan.

- Orang disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kiri), bergerak ke hadapan sejauh tiga langkah dan berhenti.
- Dengan masa yang sama:
  - Anggota lain di barisan hadapan, bergerak ke hadapan, Berjalan menyerong separuh kaki, menghadap ke haluan baru dan meluruskan barisan berpandukan Penanda kiri, berhenti.
  - Barisan tengah dan barisan belakang bergerak ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat dan membelok dengan masa sendiri menghadap haluan baru dan berhenti.
- Luruskan barisan dari kanan ke kiri.

#### Peringatan.

- Pergerakan ini sentiasa digunakan bagi menukar haluan apabila ada lebih enam anggota dalam satu barisan.
- Pergerakan ini lazimnya diajar dari berhenti ke berhenti, bergilir-gilir mengikut barisan.



### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
  - “*Tu...kar haluan, ke... kiri dan berhenti!*”
- *Perbuatan:*
  - “*Ke kiri... Tukar!*”.

### PERINGATAN

- *Jika hukuman, “dan... berhenti!” tidak diberi, skuad akan membuat pergerakan menghentak kaki dan luruskan barisan. Selepas itu hukuman, “Maju!” atau “Skuad... Henti!” akan diberi.*

### MASA BERJALAN - CEPAT.

Pertunjukan dan Penerangan

#### **Tukar Haluan Ke Kiri Dan Berhenti, Ke Kiri Tukar.**

- Hukuman perbuatan, “*Tukar!*” diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Dengan pantas:
  - Orang disebelah kiri sekali barisan hadapan (Penanda Kiri), berpusing 90° ke kiri.
    - Dengan masa yang sama, anggota lain di barisan hadapan, berpusing 45° ke separuh kiri.
- Teruskan pergerakan berjalan:
  - Orang disebelah kiri sekali barisan hadapan (Penanda Kiri), bergerak ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat sejauh tiga langkah dan berhenti.
  - Dengan masa yang sama:
    - Anggota lain di barisan hadapan, bergerak ke hadapan, Berjalan menyerong separuh kaki, menghadap ke haluan baru dan meluruskan barisan berpandukan Penanda kiri, berhenti.
    - Barisan tengah dan barisan belakang bergerak ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat dan membelok dengan masa sendiri menghadap haluan baru dan berhenti.
- Luruskan barisan dari kanan ke kiri.



**BAB 4**

JADIKAN SKUAD

---



---

## ULASAN RINGKAS

### JADIKAN SKUAD

---

Jadikan skuad adalah satu pergerakan di mana satu skuad berjalan bertiga-tiga ke satu rusuk, menukar bentuk kepada barisan melintang, tidak menukar haluan.

#### **Jadikan Skuad.**

---

- Memerlukan usaha bersungguh-sungguh dari setiap anggota yang mengambil bahagian untuk melaksanakan dengan betul.
- Usaha ini adalah merupakan salah satu cara untuk menanamkan semangat bekerjasama dan tatatertib pasukan.




## PELAJARAN 29

### JADIKAN SKUAD DARIPADA BERHENTI DAN PERLAHAN JALAN

#### Jadikan Skwad.

- Adalah keadaan di mana satu skuad dalam barisan bertiga-tiga menghadap ke rusuk dan melakukan pergerakan:
  - Menjadikan bentuk jajaran melintang.
  - Haluan tidak berubah.





### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
“**Dan... berhenti!**”,
- *Hukuman:*  
“**Di... sebelah kiri!**”,
- *Perbuatan:*  
“**Jadikan... skuad!**”.

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*  
“**Perlahan... jalan!**”.

### PERINGATAN

- *Jika hukuman, “dan... berhenti!” tidak diberi, skuad akan membuat pergerakan menghentak kaki dan luruskan barisan. Selepas itu hukuman, “Maju!” akan diberi*

### JADIKAN SKUAD DARIPADA BERHENTI

Pertunjukan dan Penerangan.

#### Dan Berhenti, Di Sebelah Kiri, Jadikan Skuad.

- Anggota di sebelah kiri sekali barisan hadapan skuad (Penanda Kanan), diam.
  - Dengan masa yang sama, anggota lain di barisan hadapan, barisan tengah dan barisan belakang, berpusing 45° ke separuh kiri.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

#### Perlahan Jalan.

- Anggota disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kanan), bergerak maju, Berjalan dalam masa perlahan jalan, sejauh tiga langkah dan berhenti.
- Dengan masa yang sama:
  - Anggota lain di barisan hadapan, Berpusing dan berjalan menyerong dalam masa perlahan, membentuk jajaran melintang dan meluruskan barisan berpandukan Penanda Kanan, berhenti.
  - Barisan tengah dan barisan belakang, Berpusing dan berjalan menyerong dalam masa perlahan, membentuk jajaran melintang dan berhenti.
- Luruskan barisan dari kanan ke kiri (dengan masa sendiri).

#### Peringatan.

- Pergerakan ini juga boleh di buat di sebelah kanan. Pergerakan ini dilakukan berlawanan dengan pergerakan di sebelah kiri. Orang di sebelah kanan sekali barisan belakang skuad, memainkan peranan menggantikan peranan Penanda Kanan.






## PELAJARAN 30

### JADIKAN SKUAD MASA PERLAHAN JALAN

#### Masa Perlahan Jalan.

- Adalah keadaan di mana satu skuad dalam barisan bertiga-tiga menghadap ke rusuk dan melakukan pergerakan:
  - Menjadikan bentuk jajaran melintang.
  - Haluan tidak berubah.





## BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
     *“Dan... berhenti!”*,
- *Hukuman:*  
     *“Di... sebelah kiri!”*,
- *Perbuatan:*  
     *“Jadikan... skuad!”*.

## PERINGATAN

- *Jika hukuman, “Dan... berhenti!” tidak diberi, skuad akan membuat pergerakan menghentak kaki dalam masa perlahan dan luruskan barisan. Selepas itu hukuman, “Maju!” atau “Skuad... Henti!” akan diberi*

## MASA PERLAHAN JALAN

Penerangan.

### Dan Berhenti, Di Sebelah Kiri, Jadikan Skuad.

- Hukuman perbuatan, “*Skuad!*”, diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Dengan pantas:
  - Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan, tapak kaki kiri rata di atas bumi dan menghala ke hadapan, berhenti.
  - Bawa kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki menjunam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.

### Berpusing.

- Dengan pantas:
  - Hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah kaki kiri dan tolak kaki kiri ke hadapan dalam jarak 15 inci, tergantung:
    - Anggota disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kanan), tidak berpusing.
    - Dengan masa yang sama, anggota lain di barisan hadapan, barisan tengah dan barisan belakang, ), melakukan pergerakan berpusing 45° ke separuh kiri.

### Maju.

- Penuhi langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci. Dan teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa perlahan:
  - Anggota disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kanan), bergerak ke hadapan sejauh tiga langkah dan berhenti.
  - Dengan masa yang sama:
    - Anggota lain di barisan hadapan, Berpusing dan berjalan menyerong dalam masa perlahan, membentuk jajaran melintang dan meluruskan barisan berpandukan Penanda Kanan dan berhenti (dengan masa sendiri).
    - Barisan tengah dan barisan belakang, Berpusing dan berjalan menyerong dalam masa



---

perlahan, membentuk jajaran melintang dan berhenti (dengan masa sendiri).




## PELAJARAN 31

### JADIKAN SKUAD MASA CEPAT JALAN

#### Masa Cepat Jalan.

- Adalah keadaan di mana satu skuad dalam barisan bertiga-tiga menghadap ke rusuk dan melakukan pergerakan:
  - Menjadikan bentuk jajaran melintang.
  - Haluan tidak berubah.





## BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
     *“Dan... berhenti!”*,
- *Hukuman:*  
     *“Di... sebelah kiri!”*,
- *Perbuatan:*  
     *“Jadikan... skuad!”*.

## PERINGATAN

- *Jika hukuman, “dan... berhenti!” tidak diberi, skuad akan membuat pergerakan menghentak kaki dalam masa cepat dan luruskan barisan. Selepas itu hukuman, “Maju!” atau “Skuad... Henti!” akan diberi*

## MASA CEPAT JALAN

Penerangan.

### **Dan Berhenti, Di Sebelah Kiri, Jadikan Skuad.**

- Hukuman perbuatan, “*Skuad!*”, diberi ketika kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
  - Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan, tapak kaki kiri di hadapan rata di atas bumi dan menghala ke hadapan, berhenti. Tapak kaki kanan di belakang tumit terangkat sedikit. Kedua-dua lutut kaki tegang. Tangan masih berlelgang.
  - Bawa:
    - Kedua-dua tangan dalam Kedudukan - Sedia.
    - Kaki kanan ke hadapan, angkat kaki kanan, bengkok lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut.

### **Berpusing.**

- Dengan pantas:
  - Hentak padat tapak kaki kanan ke bumi di sebelah tapak kaki kiri dan tolak kaki kiri ke hadapan dalam jarak 15 inci, dalam keadaan hujung kaki terangkat sedikit dari bumi:
    - Anggota disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kanan), tidak berpusing.
      - Dengan masa yang sama, anggota lain di barisan hadapan, berisan tengah dan barisan belakang, ), melakukan pergerakan berpusing 45° ke separuh kiri.
    - Diam, seperti dalam Kedudukan - Sedia.

### **Maju.**

- Penuhkan langkah kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci. Dan teruskan pergerakan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat:
  - Dengan masa yang sama:
    - Lenggangkan tangan kanan ke hadapan paras dengan bahu dan tangan kiri ke belakang seberapa jauh yang boleh.



- Anggota disebelah kanan sekali barisan hadapan (Penanda Kanan), bergerak maju, Berjalan dalam masa cepat, sejauh tiga langkah dan berhenti.
- Anggota lain di barisan hadapan, Berpusing dan berjalan menyerong dalam masa cepat, membentuk jajaran melintang dan meluruskan barisan berpandukan Penanda Kanan, berhenti.
- Barisan tengah dan barisan belakang, Berpusing dan berjalan menyerong dalam masa cepat, membentuk jajaran melintang dan berhenti.

#### **Kesalahan-kesalahan Biasa.**

---

1. Anggota yang menjadi penanda tidak membuat pergerakan kaki, menukar langkah dan bukannya pergerakan berpusing.
2. Menambah kadar berjalan dan panjangnya langkah anggota-anggota di bahagian belakang dan ber-tiga-tiga.
3. Tidak berhenti atau menghentak pada kaki yang betul.



**BAB 5**

JADIKAN DUA BARISAN

---



---

## ULASAN RINGKAS

### JADIKAN DUA BARISAN

---

Jadikan dua barisan adalah satu pergerakan di mana satu skuad berjalan bertiga-tiga ke satu rusuk, menukar bentuk kepada dua barisan bagi tujuan perbarisan..

#### **Jadikan Dua Barisan.**

---

- Memerlukan usaha bersungguh-sungguh dari setiap anggota yang mengambil bahagian untuk melaksanakan dengan betul.
- Usaha ini adalah merupakan salah satu cara untuk menanamkan semangat bekerjasama dan tatatertib pasukan.





## PELAJARAN 32

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
     *“Ja...dikan, dua barisan...!”*
- *Perbuatan:*  
     *“Gerak!”*

### PERINGATAN

- *Barisan yang melakukan pergerakan jadikan dua barisan adalah barisan tengah sahaja.*
- *Semasa mengajar pergerakan ini:*
  - *Skwad hendaklah diajar selaku nombor ganjil terlebih dahulu dan diikuti selaku nombor genap pula.*
  - *Kemudian barulah diajar secara serentak selaku nombor ganjil dan nombor genap.*
- *Setelah pergerakan buka barisan dan ke kanan lurus:*
  - *Jarak diantara barisan hadapan dan barisan belakang adalah sejauh 120 inci atau sejauh empat langkah.*

## JADIKAN DUA BARISAN DARI TIGA BARISAN

### JADIKAN DUA BARISAN

3 Pergerakan

#### Jadikan Dua Barisan Dengan Nombor, Dua Barisan - Satu.

- Barisan tengah:
  - Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri sejauh 24 inci dari tapak kaki kanan.
  - Anggota badan lain, diam, dalam Kedudukan - Sedia.

#### Skwad - Dua.

- Nombor ganjil:
  - Tolak kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci dan hentak padat tapak kaki ke bumi. Tapak kaki kanan dan tapak kaki kiri rata di atas bumi.
  - Anggota badan lain, diam.
- Nombor genap:
  - Tolak kaki kanan ke belakang sejauh 30 inci dan hentak padat tapak kaki ke bumi. Tapak kaki kanan dan tapak kaki kiri rata di atas bumi.
  - Anggota badan lain, diam, dalam Kedudukan - Sedia.

#### Skwad - Tiga.

- Nombor ganjil:
  - Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki



- Kiri.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.
  - Nombor genap:
    - Angkat kaki kiri ke belakang, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan di sebelah tapak kaki kiri.
    - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

### **Kesalahan-kesalahan Biasa**


---

1. Barisan tengah tidak mengetahui atau terlupa nombor mereka yang betul semasa awal pergerakan Nombor dilakukan..
2. Jarak yang tidak betul dalam barisan mengakibatkan tiada ruang untuk anggota barisan tengah bergerak masuk ke barisan hadapan dan barisan belakang. Lakukan pergerakan, ke kanan lurus sebelum melakukan pergerakan menjadikan dua barisan.
3. Tidak melangkah kaki kiri dengan cukup jauh ke kiri didalam pergerakan yang pertama, mengakibatkan berlaga dan lurus deret yang sama dengan barisan hadapan dan barisan belakang.
4. Tidak melangkah dengan cukup jauh didalam pergerakan ke dua, mengakibatkan gagal membuat lurus barisan yang betul bersama barisan hadapan dan barisan belakang.




**PERINGATAN**

- *Semasa berbaris dalam tiga barisan kadang kala ada kekosongan barisan.*
- *Kalau kekosongan satu orang.*



- *Kedudukan kosong dipail no. 2 dari kiri barisan tengah.*



- *Orang yang terkiri sekali barisan tengah bergerak ke hadapan.*



- *Kedudukan semasa skuad - Tiga..*




- *Kedudukan selepas meluruskan barisan.*




**PERINGATAN**

- *Semasa berbaris dalam tiga barisan kadang kala ada kekosongan barisan.*
- *Kalau kekosongan dua orang.*



- *Kedudukan kosong dipail no. 2 dari kiri barisan tengah dan belakang.*



- *Orang yang terkiri sekali barisan tengah bergerak ke belakang.*



- *Kedudukan semasa skuad - Tiga..*



- *Kedudukan selepas meluruskan barisan.*





## PELAJARAN 33

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*  
     *“Ja...dikan, tiga barisan...!”*
- *Perbuatan:*  
     *“Gerak!”*

### PERINGATAN

- *Semasa mengajar pergerakan ini:*
  - *Skuad hendaklah diajar selaku nombor ganjil terlebih dahulu dan diikuti selaku nombor genap pula.*
  - *Kemudian barulah diajar secara serentak selaku nombor ganjil dan nombor genap.*

## JADIKAN TIGA BARISAN DARI DUA BARISAN

### JADIKAN TIGA BARISAN

3 Pergerakan

#### Jadikan Tiga Barisan Dengan Nombor, Tiga Barisan - Satu.

- Nombor ganjil:
  - Langkahkan kaki kiri ke belakang sejauh 30 inci dan hentak padat tapak kaki ke bumi, tumit kaki terangkat sedikit dan belikat tegang. Tapak kaki kanan di hadapan rata di atas bumi.
  - Berat badan ditanggung di atas tapak kaki kanan.
  - Anggota badan lain, diam, dalam Kedudukan - Sedia.
- Nombor genap:
  - Langkahkan kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci dan hentak padat tapak kaki ke bumi. Tapak kaki kiri rata di atas bumi. Tumit kaki kanan di belakang terangkat sedikit dan belikat tegang.
  - Berat badan ditanggung di atas tapak kaki kiri.
  - Anggota badan lain, diam, dalam Kedudukan - Sedia.

#### Skuad - Dua.

- Nombor ganjil:
  - Angkat kaki kanan ke belakang, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi sejauh 24 inci dari tapak kaki kiri.
  - Anggota badan lain diam, seperti Kedudukan - Sedia.
- Nombor genap:
  - Angkat kaki kanan ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kanan ke bumi sejauh 24 inci dari tapak kaki kiri.
  - Anggota badan lain, diam, dalam Kedudukan - Sedia.



---

### **Skuad - Tiga.**

- Angkat kaki kiri ke hadapan, bengkokkan lutut, peha sama paras, hujung kaki junam ke bumi dan bersetentangan dengan hujung lutut, hentak padat tapak kaki kiri ke bumi disebelah tapak kaki kanan.
- Diam, dalam Kedudukan - Sedia.

---


### **Kesalahan-kesalahan Biasa**

1. Tidak melangkah kaki kanan dengan cukup jauh didalam pergerakan yang ke dua, mengakibatkan tidak dapat meluruskan deret dalam barisan tengah.
2. Tidak menghentak padat tapak kaki ke bumi.




**JADIKAN DUA BARISAN DARI TIGA BARISAN**

- Semasa berbaris dalam tiga barisan kadang kala ada kekosongan barisan.
- Dalam pail penuh..




- Kedudukan kosong dipail no. 2 dari kiri barisan tengah.



- Orang yang terkiri sekali barisan tengah bergerak ke hadapan.




- Kedudukan semasa skuad - Tiga..




- Kedudukan selepas meluruskan barisan.

**JADIKAN TIGA BARISAN DARI DUA BARISAN**


- Dalam pail penuh.



- Nombor ganjil langkah kaki kiri ke belakang dan nombor genap langkah kaki kiri ke hadapan



- Kedudukan semasa skuad - Tiga




- Kedudukan selepas meluruskan barisan.




**JADIKAN DUA BARISAN DARI TIGA BARISAN**

- Semasa berbaris dalam tiga barisan kadang kala ada kekosongan barisan.
- Kalau kekosongan satu orang.



- Kedudukan kosong dipail no. 2 dari kiri barisan tengah.



- Orang yang terkiri sekali barisan tengah bergerak ke hadapan.



- Kedudukan semasa skuad - Tiga..




- Kedudukan selepas meluruskan barisan.




**JADIKAN TIGA BARISAN DARI DUA BARISAN**


- Kalau kekosongan satu orang.



- Nombor ganjil langkah kaki kiri ke belakang dan nombor genap langkah kaki kiri ke hadapan



- Kedudukan semasa skuad - Tiga




- Kedudukan selepas meluruskan barisan.
- Kedudukan kosong dipail no. 2 dari kiri barisan tengah.




**JADIKAN DUA BARISAN DARI TIGA BARISAN**

- Semasa berbaris dalam tiga barisan kadang kala ada kekosongan barisan.
- Kalau kekosongan dua orang.




- Kedudukan kosong dipail no. 2 dari kiri barisan tengah dan belakang.



- Orang yang terkiri sekali barisan tengah bergerak ke belakang.




- Kedudukan semasa skuad - Tiga..




- Kedudukan selepas meluruskan barisan.

**JADIKAN TIGA BARISAN DARI DUA BARISAN**


- Kalau kekosongan dua orang.



- Nombor ganjil langkah kaki kiri ke belakang dan nombor genap langkah kaki kiri ke hadapan



- Kedudukan semasa skuad - Tiga



- Kedudukan selepas meluruskan barisan.
- Kedudukan kosong dipail no. 2 dari kiri barisan tengah dan belakang.





## PELAJARAN 34

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
    *“Ja...dikan satu barisan!”*,
- *Hukuman:*  
    *“Ba...risan tengah dan belakang!”*,
- *Perbuatan:*
  - a. *“Hentak, kaki!”*.
  - b. *“Hentak... kaki!”*.

### PERINGATAN

- *Hukuman “Hentak, kaki! / hentak... kaki!” diberikan adalah mengikut kaedah dan peraturan Pelajaran 20 Hentak kaki berhenti maju dalam masa perlahan dan cepat.*

## BERJALAN DALAM SATU BARISAN

### JADIKAN SATU BARISAN

Penerangan

#### **Berjalan Dalam Satu Barisan.**

- Pergerakan ini digunakan apabila satu pasukan melalui satu laluan yang sempit.
- Pada kebiasaannya Barisan Hadapan akan berjalan dahulu apabila dibuat dari masa berhenti:
  - Barisan tengah dan barisan belakang melakukan pergerakan , Hentak kaki cepat atau Hentak kaki perlahan.
  - Di atas hukuman perbuatan, *“Hentak, Kaki! / Hentak... Kaki!”*, barisan hadapan terus maju, Berjalan dalam masa cepat jalan.
    - Barisan tengah maju (dengan masa sendiri).
    - Barisan belakang maju (dengan masa sendiri).



## JADIKAN SEMULA TIGA BARISAN DARIPADA SATU BARISAN

### DALAM MASA BERHENTI.

Penerangan

#### Jadikan Semula Tiga Barisan.

- Skwad akan jadikan tiga barisan bermula dengan Barisan Hadapan dan berhenti:
  - Barisan hadapan diam dalam Kedudukan - Sedia.
  - Di atas hukuman perbuatan, "*Cepat, Jalan!*", barisan tengah dan barisan belakang, maju, Berjalan dan berhenti dalam masa cepat jalan.
    - Barisan tengah henti (dengan masa sendiri).
    - Barisan belakang henti (dengan masa sendiri).

### DALAM MASA BERJALAN.

Penerangan

#### Jadikan Semula Tiga Barisan.

- Skwad akan jadikan tiga barisan bermula dengan barisan hadapan:
  - Barisan hadapan melakukan pergerakan, Hentak kaki cepat atau Hentak kaki perlahan.
  - Di atas hukuman perbuatan, "*Hentak, Kaki!*", barisan tengah dan barisan belakang, maju, Berjalan dalam masa cepat jalan.
    - Barisan tengah hentak kaki (dengan masa sendiri).
    - Barisan belakang hentak kaki (dengan masa sendiri).

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
 "*Skuad!, a...kan jadikan tiga barisan!, da...ri barisan hadapan, dan berhenti!*",
- *Hukuman:*  
 "*Ba...risan tengah dan belakang!*",
- *Perbuatan:*  
 "*Cepat, jalan!*".

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
 "*Skuad!, a...kan jadikan tiga barisan!, da...ri barisan hadapan!*",
- *Hukuman:*  
 "*Ba...risan hadapan!*",
- *Perbuatan:*  
 "*Hentak, kaki!*".



### **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*  
*“Skuad!, a...kan jadikan tiga barisan!, da...ri barisan hadapan, dan berhenti!”*
- *Hukuman:*  
*“Ba...risan hadapan!”*
- *Perbuatan:*  
*“Henti!”*

### **PERINGATAN**

- *Hukuman “Henti!”*, diberikan adalah mengikut kaedah dan peraturan Pelajaran 12 Berjalan dan berhenti dalam masa cepat atau Pelajaran 13 Berjalan dan berhenti dalam masa perlahan.

### **DALAM MASA BERJALAN DAN AKAN BERHENTI.**

Penerangan

#### **Jadikan Semula Tiga Barisan.**

- Skwad akan jadikan tiga barisan bermula dengan barisan hadapan:
  - Barisan hadapan henti dalam Kedudukan - Sedia.
  - Di atas hukuman perbuatan, *“Henti!”*, Barisan tengah dan barisan belakang, terus maju Berjalan dan berhenti dalam masa cepat jalan.
    - Barisan tengah henti (dengan masa sendiri).
    - Barisan belakang henti (dengan masa sendiri).



## JADIKAN SATU BARISAN PANJANG DARI TIGA BARISAN MELINTANG

### DARI BERHENTI.

Penerangan

#### Jadikan Semula Satu Barisan.

- Skwad akan jadikan satu barisan panjang secara bertiga-tiga:
  - Skwad melakukan pergerakan, Hentak kaki cepat atau Hentak kaki perlahan.
  - Di atas hukuman perbuatan, "*Hentak, Kaki!* / *Hentak... Kaki!*", orang yang terkanan sekali dalam skuad, barisan hadapan, barisan tengah dan barisan belakang, terus maju, Berjalan dalam masa cepat jalan.
  - Bermula dari sebelah kanan skuad, secara bertiga-tiga, berturut-turut, maju, Berjalan dalam masa cepat jalan (dengan masa sendiri).

### SEMASA BERJALAN.

Penerangan

#### Jadikan Semula Satu Barisan.

- Skwad akan jadikan satu barisan panjang secara bertiga-tiga:
  - Skwad melakukan pergerakan, Hentak kaki cepat atau Hentak kaki perlahan.
  - Di atas hukuman perbuatan, "*Hentak, Kaki!*", orang yang terkanan sekali dalam skuad, barisan hadapan, barisan tengah dan barisan belakang, terus maju, Berjalan dalam masa cepat jalan.
  - Bermula dari sebelah kanan skuad, secara bertiga-tiga, berturut-turut, maju, Berjalan dalam masa cepat jalan (dengan masa sendiri).

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
 "*Skuad, a...kan jadikan satu barisan panjang!, da...ri kanan!, o...rang yang bertiga, di...sebelah kanan!*",
- *Hukuman:*  
 "*Yang... lain!*",
- *Perbuatan:*
  - "Hentak, Kaki!"*.
  - "Hentak... Kaki!"*.

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
 "*Skuad, a...kan jadikan satu barisan panjang!, da...ri kanan!, o...rang yang bertiga, di...sebelah kanan!*",
- *Hukuman:*  
 "*Yang... lain!*",
- *Perbuatan:*
  - "Hentak, Kaki!"*.
  - "Hentak... Kaki!"*.



## JADIKAN SEMULA TIGA BARISAN MELINTANG DARI SATU BARISAN PANJANG

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
*“Skuad, a...kan jadikan tiga barisan melintang!, da...ri kanan dan berhenti!”*
- *Hukuman:*  
*“O...rang yang bertiga di sebelah kanan, diam!, yang... lain!”*
- *Perbuatan:*
  - a. *“Cepat, Jalan!”*
  - b. *“Perlahan... Jalan!”*

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
*“Skuad, a...kan jadikan tiga barisan melintang!, da...ri kanan dan berhenti!”*
- *Hukuman:*  
*“O...rang yang bertiga di... sebelah kanan!”*
- *Perbuatan:*  
*“Henti!”*

### DARI BERHENTI.

Penerangan

#### Jadikan Semula Satu Barisan.

- Barisan akan jadikan tiga barisan melintang:
  - Barisan maju Berjalan dalam masa cepat jalan atau Berjalan dalam masa perlahan jalan.
  - Di atas hukuman perbuatan, *“Cepat, Jalan! / Perlahan... Jalan!”*, tiga orang pertama dalam barisan, diam, dalam kedudukan - Sedia. Membentuk orang yang terkanan sekali dalam skuad, barisan hadapan, barisan tengah dan barisan belakang.
  - Barisan akan Berjalan dan berhenti dalam masa cepat / Berjalan dan berhenti dalam masa perlahan, secara bertiga-tiga, di sebelah kiri, berturut-turut, menjadikan skuad (dengan masa sendiri).

### SEMASA BERJALAN DAN AKAN BERHENTI.

Penerangan

#### Jadikan Semula Satu Barisan.

- Barisan akan jadikan tiga barisan melintang:
  - Di atas hukuman perbuatan, *“Henti!”*, tiga orang pertama dalam barisan, Berhenti dalam masa cepat jalan atau Berhenti dalam masa perlahan jalan. Membentuk orang yang terkanan sekali dalam skuad, barisan hadapan, barisan tengah dan barisan belakang.
  - Barisan akan Berjalan dan berhenti dalam masa cepat atau Berhenti dalam masa perlahan jalan, secara bertiga-tiga, di sebelah kiri, berturut-turutmenjadikan skuad (dengan masa sendiri).



---

**SEMASA BERJALAN DAN AKAN HENTAK KAKI.**

---

Penerangan

**BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*  
*“Skwad, a...kan jadikan tiga barisan melintang!,  
da...ri kanan!”*
- *Hukuman:*  
*“O...rang yang bertiga di... sebelah kanan!”*
- *Perbuatan:*  
*“Hentak, kaki!”*

---

**Jadikan Semula Satu Barisan.**

---

- Barisan akan jadikan tiga barisan melintang:
  - Di atas hukuman perbuatan, “*Henti!*”, tiga orang pertama dalam barisan, melakukan pergerakan, Hentak kaki dalam masa cepat. Membentuk orang yang terkanan sekali dalam skuad, barisan hadapan, barisan tengah dan barisan belakang.
  - Barisan akan berjalan dan melakukan pergerakan, Hentak kaki dalam masa cepat, secara bertiga-tiga, di sebelah kiri, berturut-turut, menjadikan skuad (dengan masa sendiri).



**BAB 6**

HORMAT





## ULASAN RINGKAS

### HORMAT

Sesuatunya hormat itu yang sebetulnya ialah teguran biasa diantara sahabat-sahabat seperjuangan, bahawa hormat itu diberi apabila seorang anggota bertemu seorang pegawai adalah perkara asas dalam tata tertib. Bahawa hormat itu diberi dengan betul dan kacak adalah satu perkara latihan. Tiada memberi hormat itu menunjukkan tidak hormat, malas dan mutu tata tertib yang rendah.

#### Hormat.

- Hormat di dalam Angkatan Tentera adalah di perolehi dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Hormat yang paling tinggi ialah Hormat Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan Ketua-Ketua Negeri, setengah keluarga-keluarga Di Raja yang lain, Tuan-Tuan Yang Terutama Gabenor-Gabenor adalah juga berhak menerima hormat seperti yang dinyatakan seperti setengah Menteri-Menteri yang telah diwakilkan kuasa oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.
- Badan-badan Terup yang terbentuk semasa bertugas adalah berhak kepada hormat, dan juga panji-panji, bendera-bendera dan panji-panji yunit.
- Seorang pegawai itu diberi hormat sebagai wakil Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan seorang pemegang tauliah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, memberi hormat kepada pegawai adalah sopan dan bukannya menghinakan diri dan adalah satu tanda hormat dan budi pekerti yang baik pada seorang yang memegang tauliah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda. Tangan kanan diangkat, tapak tangan menghala ke bawah, jari-jari rapat menunjukkan tiada senjata atau tindakan hendak menyerang, keadaan hormat senjata dan hormat dengan pedang membawa makna yang sama.
- Butir-butir bagaimana cara-cara hormat mesti dibentangkan dalam Perintah-Perintah Tetap Dan Peraturan-Peraturan.





## PELAJARAN 35

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
    “**Hormat!**”,
- *Hukuman:*  
    “**Hormat ke hadapan...**”,
- *Perbuatan:*  
    “**Hormat!**”.

### PERINGATAN

- *Apabila sudah diajar dengan nombor, kurangkan dengan menyatukan pergerakan satu dan dua dan pergerakan tiga dan empat.*

## MEMBERI HORMAT MASA BERHENTI

### HORMAT KE HADAPAN

4 Pergerakan

#### Hormat Dengan Nombor, Ke Hadapan Hormat - Satu.

- Bawa tangan kanan ke hadapan, bengkokkan siku dan rapatkan siku ke badan.
- Lengan sama paras.
- Tapak tangan menghala ke dalam, jari-jari rapat dan menunjuk lurus ke hadapan.

#### Kesalahan-kesalahan Biasa.

1. Siku tangan kanan tidak rapat ke badan.
2. Aras lengan tidak sama rata.
3. Keadaan jari yang tidak lurus dan rapat.
4. Tapak tangan tidak menghala ke dalam.

#### Skwad - Dua.

- Bawa tangan kanan ke atas, ke kedudukan hormat.
- Tapak tangan menghala ke bawah, keadaan jari adalah lurus dan rapat.
- Jari telunjuk kena pada kening di sebelah kanan.
- Tapak tangan lurus dengan sudut lengan.
- Mata terus pandang ke hadapan, sejauh 100 meter.



---

**Kesalahan-kesalahan Biasa.**

---

1. Tapak tangan menghala ke hadapan.
2. Keadaan jari yang tidak rapat dan melengkung.
3. Keadaan kepala menunduk ke bawah.

---

**Skuad - Tiga.**

---

- Bawa siku tangan kanan rapat ke badan.
- Lengan dicondongkan ke hadapan sedikit dan keadaan jari adalah digenggam.
- Tinggi gengaman jari adalah sama paras dengan ketinggian bahu kanan.

---

**Kesalahan-kesalahan Biasa.**

---

1. Tangan ditegakkan betul dan tidak condong sedikit.
2. Keadaan siku yang tidak rapat ke badan.
3. Jari-jari tidak digenggam.

---

**Skuad - Empat.**

---

- Bawa tangan ke Kedudukan - Sedia.

---

**Kesalahan-kesalahan Biasa.**

---

1. Tangan di bawa ke kanan atau ke belakang.



---

## HORMAT KE KANAN DAN KIRI

---

### Hormat Ke Kanan Hormat.

---

- Lakukan pergerakan hormat ke hadapan dengan betul.
- Dengan pantas, pusingkan kepala tepat ke arah kanan.
- Mata di sebelah kanan hanya boleh melihat sepanjang tapak tangan dan memandang lurus ke hadapan atau memandang mata pegawai yang diberi hormat.
- Kedudukan lengan kanan dan pergelangan tangan kanan hendaklah dijaga.

### Kesalahan-kesalahan Biasa.

---

1. Menyendeng ke hadapan, melatih sepanjang belakang tangan atau tidak memandang pegawai itu tepat di mukanya.
2. Tangan terlalu tinggi.
3. Bahu kiri dibiarkan bergerak ke hadapan dan jatuh ke belakang.
4. Tidak memandang tepat ke rusuk kanan.
5. Mengangkat pergelangan tangan.

### Hormat Ke Kiri Hormat.

---

- Lakukan pergerakan hormat ke hadapan dengan betul.
- Dengan pantas, pusingkan kepala tepat ke arah kiri.
- Mata di sebelah kanan memandang lurus ke kiri atau memandang mata pegawai yang diberi hormat.
- Kedudukan lengan kanan dan pergelangan tangan kanan hendaklah dijaga.

### Kesalahan-kesalahan Biasa.

---

1. Memusing bahu ke arah kiri dan membiarkan bahu kanan jatuh ke hadapan.
2. Tidak membenarkan tangan kanan bergerak ke kedudukannya yang betul.
3. Menjatuhkan pergelangan tangan.



---

### **Hormat Tanpa Memakai Pakaian Kepala.**

---

- Semasa berpakaian seragam tetapi tidak mengenakan atau memakai pakaian kepala, hormat tetap diberi seperti keadaan berpakaian lengkap berseragam.

---

### **Memberi Hormat Semasa Berjalan.**

---

- Memberi hormat semasa berjalan boleh dilakukan ke kiri atau ke kanan atau ke hadapan.
- Kesemua pergerakan hormat semasa berjalan dilakukan dalam Berjalan dalam masa cepat.



## PELAJARAN 36

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
    “**Hormat!**”,
- *Hukuman:*  
    “**Hormat ke kanan...**”,
- *Perbuatan:*  
    “**Hormat!**”.

### PERINGATAN

- *Pergerakan Skuad - Dua dan Skuad - Tiga mesti dilakukan dengan berturut-turut dengan cepat.*

## HORMAT KE KIRI DAN KANAN SEMASA BERJALAN

### HORMAT KE KANAN

5 Pergerakan

#### **Hormat Dengan Nombor, Ke Kanan Hormat - Satu.**

- Hukuman perbuatan, “*Hormat!*”, diberi ketika kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di bumi.
- Penuhkan langkah kaki kanan ke hadapan, tapak kaki kanan tumit terpacak di bumi.
  - Dengan masa yang sama, bawa kedua-dua tangan ke Kedudukan - Sedia. Skuad berteriak, “*Cek!*”.
- Langkah kaki kiri ke hadapan, tapak kaki kiri tumit terpacak di bumi.
  - Dengan masa yang sama:
    - Bawa tangan kanan kepada Kedudukan Hormat yang betul.
    - Dengan pantas, pusingkan kepala ke arah kanan. Skuad berteriak, “*Hormat!*”.
- Anggota badan yang lain, diam.

#### **Skuad - Dua.**

- Langkahkan kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci, Berjalan dalam masa cepat.
  - Dengan masa yang sama, skuad berteriak, “*Dua!*”.
- Keadaan hormat ke kanan hendaklah dijaga.

#### **Skuad - Tiga.**

- Langkahkan kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci, Berjalan dalam masa cepat.
  - Dengan masa yang sama, skuad berteriak, “*Tiga!*”.
- Keadaan hormat ke kanan hendaklah dijaga.



---

**Skuad - Empat.**

---

- Langkah kaki kanan ke hadapan sejauh 30 inci, tumit terpacak di bumi, Berjalan dalam masa cepat.
  - Dengan masa yang sama:
    - Pusingkan kepala ke arah hadapan dan bawa tangan ke Kedudukan - Sedia.
    - Skuad berteriak, "*Potong!*".

---

**Skuad - Lima.**

---

- Langkahkan kaki kiri ke hadapan sejauh 30 inci, tumit terpacak di bumi, Berjalan dalam masa cepat.
  - Dengan masa yang sama, lenggangkan tangan kanan ke hadapan dan tangan kiri kebelakang.
  - Skuad berteriak, "*Lenggang!*".
- Terus melangkah ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.



## BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
    “**Hormat!**”,
- *Hukuman:*  
    “**Hormat ke hadapan...**”,
- *Perbuatan:*  
    “**Hormat!**”.

## PERINGATAN

- *Hukuman “**Hormat !, hormat ke hadapan... hormat!**” diberikan adalah mengikut kaedah dan peraturan Pelajaran 12 Berjalan dan berhenti dalam masa cepat.*

## MEMBERI HORMAT KE HADAPAN

Pertunjukan dan Penerangan

### Berhenti Dari Cepat Jalan.

- Hukuman perbuatan, “*Hormat!*”, diberi ketika kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di bumi.
- Lakukan pergerakan Berhenti dari cepat jalan.

### Hormat Ke Hadapan Hormat.

- Beri hormat pertama:
  - Lakukan pergerakan Hormat ke hadapan.
    - Dengan masa yang sama, skuad berteriak, “*Dua hormat!*”.
    - Potong tangan dan bawa tangan ke Kedudukan - Sedia.
      - Dengan masa yang sama, skuad berteriak, “*Dua turun!*”.
  - Beri hormat ke dua:
    - Lakukan pergerakan Hormat ke hadapan.
      - Dengan masa yang sama, skuad berteriak, “*Dua hormat!*”.
      - Potong tangan dan bawa tangan ke Kedudukan - Sedia.
        - Dengan masa yang sama, skuad berteriak, “*Dua turun!*”.

### Berpusing Ke Belakang Pusing.

- Berpusing ke belakang:
  - Lakukan pergerakan Berpusing ke belakang pusing.
    - Dengan masa yang sama, skuad berteriak, “*Dua pusing!*”.
  - Hentak padat tapak kaki kiri ke bumi di sebelah tapak kaki kanan.
    - Dengan masa yang sama, skuad berteriak, “*Dua hentak!*”.
  - Diam, dalam Kedudukan - Sedia.



---

### **Berjalan Dalam Masa Cepat Jalan.**

---

- Maju:
  - Bergerak ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.
  - Dengan masa yang sama, skuad berteriak, “*Dua maju!*”.





---

**PELAJARAN 37**

---

**MEMBERI HORMAT SEMASA TIDAK MEMAKAI PAKAIAN KEPALA DAN MEMAKAI PAKAIAN BIASA, DAN LAIN-LAIN**

---

---

**BERPAKAIN BIASA (AWAM)**

---

- Individu hendaklah dalam keadaan berdiri dalam Kedudukan - Sedia.
- Jika bercakap dengan pegawai atau sebaliknya, individu itu hendaklah memandang tepat ke arah pegawai tersebut.

---

**BILA DUDUK BERPAKAIAN SERAGAM**

---

- Jika dalam keadaan duduk, ketika seorang pegawai menghampirinya, individu hendaklah berdiri dalam Kedudukan - Sedia, menghadap pegawai tersebut dan Hormat ke hadapan, kepada pegawai tersebut.
- Jika dua orang atau lebih sedang duduk atau berdiri di situ, individu terkanan pangkatnya, menghadap ke arah pegawai tersebut, memerintahkan semua berdiri dalam Kedudukan - Sedia dan ia seorang memberikan Hormat ke hadapan, kepada pegawai tersebut.

---

**BILA MENGHADAP PEGAWAI**

---

---

**Bercakap Atau Menyampaikan Perutusan.**

---

- Individu hendaklah dengan segak menghala ke arah pegawai:
  - Berjalan dalam masa cepat.
  - Berhenti dalam masa cepat, dua langkah di hadapan pegawai itu dan Hormat ke hadapan, kepada pegawai tersebut.
- Bercakap atau sampaikan perutusan



- Setelah tamat:
  - Hormat ke hadapan, kepada pegawai tersebut
  - Berpusing ke belakang pusing dan Berjalan dalam masa cepat.

### **Menyerahkan Utusan.**

---

- Individu hendaklah dengan segak menghala ke arah pegawai:
  - Berjalan dalam masa cepat.
  - Berjumpa:
    - Berhenti dalam masa cepat, dua langkah di hadapan pegawai itu.
    - Hormat ke hadapan, kepada pegawai tersebut.
  - Menyerahkan utusan:
    - Ambil satu langkah ke hadapan dan serahkan utusan kepada pegawai tersebut
  - Keluar:
    - Undur semula satu langkah ke belakang.
    - Hormat ke hadapan, kepada pegawai tersebut.
    - Berpusing ke kanan pusing dan Berjalan dalam masa cepat.



## PELAJARAN 38

### MEMBERI HORMAT DENGAN SENJATA RIS

- Memberi hormat dengan senjata (RIS), adalah kebiasaannya dilakukan dalam keadaan senjata berada di dalam keadaan rusuk di sebelah kanan.
- Hormat itu, memerlukan tindakan tangan yang sama bagi memberi hormat ke hadapan, ke kiri atau ke kanan.

### HORMAT KE HADAPAN DALAM MASA BERHENTI

2 Pergerakan.

#### Hormat Dengan Nombor, Ke Hadapan Hormat - Satu.

- Dengan pantas, bawa tangan kiri menglintang di hadapan badan dan pukul pada pengadang tangan, jari-jari tersusun rapat dan lurus, tapak tangan menghadap ke dalam.
  - Dengan masa yang sama, dengan kekuatan tangan kanan, tolak udi senjata ke hadapan dalam jarak lebih kurang 6 inci.
- Kedudukan senjata kelopak menghala ke hadapan, laras tegak menghala ke atas.
- Anggota badan lain tidak berubah.

#### Skwad - Dua.

- Dengan pantas, bawa tangan kiri sampai ke kedudukan Sedia, mengikut jalan yang dekat.
  - Dengan masa yang sama, dengan kekuatan tangan kanan, bawa udi senjata ke belakang sampai ke kedudukan Rusuk senjata yang betul.

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
“**Hormat!**”,
- *Hukuman:*  
“**Hormat ke hadapan...**”,
- *Perbuatan:*  
“**Hormat!**”.

### PERINGATAN

- *Apabila menghadap pegawai, untuk berjumpa, menyampaikan utusan atau memberi lapuran:*
  - *Lakukan pergerakan Hormat ke hadapan kepada pegawai sebanyak dua kali.*
  - *Sampaikan utusan atau lapuran.*
  - *Lakukan pergerakan Hormat ke hadapan kepada pegawai sebanyak sekali.*



---

## PELAJARAN 39

### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*  
    **“Hormat!”**,
- *Hukuman:*  
    **“Hormat ke hadapan...”**,
- *Perbuatan:*  
    **“Hormat!”**.

### PERINGATAN

- *Semua pergerakan adalah dilakukan pada kadar 40 pergerakan dalam seminit.*

---

## MEMBERI HORMAT DENGAN TONGKAT

---

### HORMAT KE HADAPAN

---

#### **Pada Masa Berhenti.**

---

- Bawa tongkat dengan tangan kanan daripada Kedudukan - Sedia dan letakkannya mendatar di bawah ketiak kiri, pangkal menghala ke hadapan.
- Biarkan tangan kiri di tepi dan potong tangan kanan dengan pantas seperti kedudukan sebelum memberi hormat.
- Apabila selesai memberi hormat, bawa tongkat dengan tangan kanan melintas badan dan kendalikannya kepada Kedudukan - Sedia.

### HORMAT KE KIRI DAN KE KANAN

---

#### **Pada Masa Berjalan.**

---

- Sila rujuk pelajaran 59.

**PELAJARAN 40****ADAT-ADAT DAN PELBAGAI HAL ANGKATAN TENTERA MALAYSIA****Lagu Kebangsaan.**

- Segala peringkat berpakaian seragam yang tiada berbaris hendaklah berdiri dalam Kedudukan - Sedia dan memberi hormat.
- Apabila di dalam barisan atau di dalam kumpulan yang teratur, hormat hanya diberi oleh pegawai-pegawai dan pegawai warden, kecuali PTT itu terpaksa memberi hormat sekiranya dia mengetuai kumpulan itu.
- Jika berpakaian biasa, segala peringkat hendaklah berdiri dalam Kedudukan - Sedia.
- Seorang pegawai atau PTT yang mengetuai satu kumpulan yang sedang bergerak, hendaklah hentikan kumpulan itu, tinggal diam dalam keadaan Rusuk senjata atau Sedia, pegawai atau PTT memberi hormat, jika membawa pedang yang terhunus, pegawai hendaklah tinggal diam pada membawa pedang.

**Membalas Hormat.**

- Pegawai-pegawai mestilah menerima dan membalas hormat dengan budi bahasa dan penuh kesopanan.
- Apabila dua pegawai atau lebih ada bersama-sama, anggota terkanan hendaklah membalas hormat.

**Hormat Dengan Tangan Kiri.**

- Jikalau sekiranya cacat anggota, dan mustahil untuk memberi hormat dengan tangan kanan, hormat hendaklah diberi dengan tangan kiri.

**Pengkebumiaan Tentera.**

- Segala peringkat yang melalui istiadat pengkebumiaan tentera, hendaklah memberi hormat kepada keranda itu. Kumpulan-kumpulan yang teratur, hendaklah memberi hormat yang lazim.



---

### **Apabila Menunggan-menunggang Basikal Atau Memandu Kenderaan Yang Seumpamanya.**

---

- Penunggan basikal atau kenderaan bermotor, tiada payah memberi hormat ketika kenderaan itu sedang bergerak kerana merbahaya akibat tidak akan memandang ke arah yang sepatutnya.
- Pemandu-pemandu hendaklah memberi hormat dengan cara memusingkan kepala matanya ke kanan atau ke kiri tetapi tiada melepaskan tangannya dari alat kawalan kenderaan apabila kenderaan itu tidak bergerak.

---

### **Apabila Bergerak Dalam Kenderaan Bermotor.**

---

- Pegawai-pegawai atau anggota hendaklah berbuat:
  - Pemandu tidak payah memberi hormat.
  - Pegawai-pegawai, sama ada sedang duduk atau berdiri hendaklah memberi hormat dengan tangan.
  - Ketua-ketua kenderaan, jika sedang berdiri, hendaklah memberi hormat dengan tangan.
  - Kecuali seperti di atas, semua anggota hendaklah duduk Sedia.

---

### **Hormat Secara Berkumpulan Masa Berjalan.**

---

- Perkara di bawah merujuk kepada peraturan dalam keadaan aman, hormat secara berkumpulan pada masa berjalan tidak boleh dibuat bersendirian melainkan dengan perintah khas:
  - Apabila satu kumpulan terup-terup melalui di hadapan:
    - Yang Di Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong dan lain-lain ahli keluarga di Raja.
    - Sultan-Sultan Negeri dan Ketua-Ketua Negeri.
    - Kumpulan-kumpulan terup yang bersenjata yang sedang berjalan diketuai oleh pegawai.
    - Pegawai-pegawai dan pengiring-pengiring.
    - Pemerintah Beriged mereka sendiri, pegawai-pegawai am dan pegawai-pegawai dari lain-lain bahagian tentera yang berpangkat setaraf bila berpakaian seragam, hormat diberi oleh ketua.
      - Hormat hendaklah diberi berturut-turut oleh unit-unit kecil dalam perbarisan, ketua masing-masing memberi hukuman, "*Pandang kanan!* / *Pandang Kiri!*"
      - Semua pegawai hendaklah memberi hormat sama seperti lain-lain pangkat yang mungkin mengetahui pasukan-pasukan kecil.
  - Kumpulan-kumpulan terup yang kecil yang tidak di bawah perintah seorang pegawai hendaklah



- Seorang pegawai yang mengetahui kumpulan-kumpulan bersenjata hendaklah membalas hormat PTT yang membawa kumpulan yang tidak bersenjata terdiri dari kekuatan kurang dari 20 anggota tanpa memerintahkan kumpulan yang membawa senjata itu untuk berdiri Sedia.
  - Apabila mengetahui sesuatu kumpulan yang bersenjata atau tidak bersenjata seorang pegawai itu hendaklah memberi hormat mana-mana pegawai kanan dari padanya, dengan syarat ia adalah seorang Pegawai Medan atau lebih tinggi atau berpangkat setaraf dengannya dalam lain-lain bahagian tentera.
  - Hormat yang diberi oleh pengawal-pengawal hendaklah di balas seperti yang diterangkan di atas.
- Kumpulan-kumpulan terup yang sedang berjalan atau dalam latihan hanya dikehendaki memberi hormat kepada ketua yang lebih tinggi, yang sama, sekali dalam sehari. Pada waktu-waktu lain, hanya ketua memberi hormat kepada pegawai-pegawai kanan.
- Apabila anggota-anggota yang berhak di beri hormat datang dari arah belakang, terup dan pasukan itu tidak payah memberi hormat, tetapi pegawai-pegawai ketua kumpulan menggantikan mereka memberi hormat.
- Terup-terup hendaklah berjalan betul:
  - Sehingga jauh dari tempat perbarisan dan apabila menghampiri tempat perbarisan.
  - Bila masuk atau meninggalkan berek.



---

## PERATURAN MENERIMA GAJI

---

- Apabila anggota dipanggil, dia hendaklah menjawab mengikut taraf anggota yang memanggilnya. Jika yang memanggilnya seorang pegawai, ia hendaklah menjawab, “*Tuan!*”. Jika yang memanggilnya anggota berpangkat koperal dan berada di bilik yang berasingan dengan pegawai yang membayar gaji, ia hendaklah menjawab, “*Koperal!*”.

### Pergerakan Kawad.

---

- Menuju pegawai:
  - Berdiri dalam Kedudukan - Sedia.
    - Berjalan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat.
    - Berhenti dari cepat jalan dalam jarak dua langkah di hadapan pegawai yang membayar gaji.
    - Hormat ke hadapan kepada pegawai
    - Melangkah satu langkah ke hadapan.
  - Menerima Gaji:
    - Hurlurkan buku gaji dengan kedua-dua tangan dengan keadaan lengan lurus ke hadapan dan kedua-dua tangan memegang buku gaji.
    - Bawa kedua-dua tangan ke Kedudukan - Sedia
    - Hurlurkan kedua-dua tangan dengan keadaan lengan lurus ke hadapan dan ambil semula buku gaji serta wang yang dibayar.
    - Bawa kedua-dua tangan ke Kedudukan - Sedia, buku gaji dipegang dengan tangan kiri.
  - Selepas menerima gaji:
    - Melangkah satu langkah ke belakang
    - Hormat ke hadapan kepada pegawai.
    - Ke belakang pusing.
    - Berjalan ke meja yang disediakan untuk mengira wang gaji yang dibayar, Berjalan dalam masa cepat.





---

## PERATURAN MENERIMA HADIAH

---

### Pergerakan Kawad.

---

- Menuju pegawai:
  - Berdiri dalam Kedudukan - Sedia.
  - Berjalan ke hadapan, Berjalan dalam masa cepat:
    - Berhenti dari cepat jalan dalam jarak dua langkah di hadapan pegawai yang memberi hadiah.
    - Hormat ke hadapan kepada pegawai
    - Melangkah satu langkah ke hadapan.
  - Menerima Hadiah:
    - Hurlurkan tangan kanan untuk berjabat tangan, potong tangan kanan ke Kedudukan Sedia.
    - Hurlurkan kedua-dua tangan dengan keadaan lengan lurus ke hadapan dan terima hadiah dan pegang hadiah itu dengan tangan kiri.
    - Bawa tangan kanan ke Kedudukan Sedia
    - Hurlurkan tangan kanan untuk berjabat tangan, potong tangan kanan ke Kedudukan - Sedia.
- Selepas menerima hadiah:
  - Melangkah satu langkah ke belakang.
  - Hormat ke hadapan kepada pegawai.
  - Ke kiri pusing atau Ke kanan pusing.
  - Berjalan ke meja yang disediakan untuk meletak hadiah, Berjalan dalam masa cepat.
  - Balik semula ke dalam barisan, Berjalan dalam masa cepat.



## PELAJARAN 41

### PANDANG KANAN DAN KIRI

- Satu kumpulan yang tersusun yang dikehendaki memberi hormat kiri dan kanan adalah menerima perintah untuk berjalan mengikut arah yang dikehendaki dan selepas itu menerima perintah:
  - “*Pandang... kanan!*” / “*Pandang...Kiri!*”.
  - “*Pandang... hadapan!*”.
- Hukuman-hukuman, hendaklah diberi supaya pegawai yang dihadapan memberi hormat bila sampai selaras dengan tempat memberi hormat dan supaya barisan belakang terkeluar dari tempat memberi hormat bila mereka menerima hukuman, “*Pandang... hadapan!*”.
- Pegawai-pegawai, PTT Kanan dan lain-lain pangkat yang mengetuai terupsemasa berjalan lalu, Berjalan dalam masa cepat atau Berjalan dalam masa perlahan, yang duduk di hadapan terup dan Pegawai Waren Perbarisan yang duduk di barisan tambahan, hendak membuat tabik hormat pada hukuman, “*Pandang... kanan!*”.
- Pada hukuman, “*Pandang... hadapan!*”, kesemua anggota membuat pergerakan pandang hadapan semula dan terus mara Berjalan dalam masa cepat atau Berjalan dalam masa perlahan.

#### Hormat Ke Kanan Dan Kiri.

#### BAHASA HUKUMAN

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*
  - a. “*Pandang... Kanan!*”.
  - b. “*Pandang... Kiri!*”.

- Hukuman perbuatan, “*...kanan!*” atau “*...kiri!*”, diberi ketika:
  - Berjalan dalam masa cepat, kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di bumi.
  - Berjalan dalam masa perlahan, kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Pemandu atau anggota yang di rusuk hendaklah memandang ke hadapan supaya mengekalkan arah pergerakan.
- Semua pegawai, Pegawai Waren dan PTT yang memerintah hendaklah memberi hormat.
- Anggota-anggota yang lain, memusingkan kepala dan mata mereka ke arah yang diperintah.



## **BAHASA HUKUMAN**

- *Peringatan:*
- *Hukuman:*
- *Perbuatan:*

*“Pandang... hadapan!”.*

## **Pandang Hadapan.**

---

- Hukuman perbuatan, “...*hadapan!*”, diberi ketika:
  - Berjalan dalam masa cepat, kaki kanan melalui kaki kiri, tapak kaki kiri rata di bumi.
  - Berjalan dalam masa perlahan, kaki kiri melalui kaki kanan, tapak kaki kanan rata di bumi.
- Kesemua anggota membuat pergerakan pandang hadapan semula dan terus mara Berjalan dalam masa cepat atau Berjalan dalam masa perlahan.

## **Kesalahan-kesalahan Biasa.**

---

1. Memandang ke bawah.
2. Menghampiri rusuk arah.
3. Memendek atau memanjangkan langkah.
4. Apabila dalam deretan jalan, kegagalan memberi hukuman oleh ketua dari kedudukan di mana anggota-anggota di belakang di bawah perintahnya dapat mendengar hukumannya. Ketua hendaklah pergi ke rusuk untuk membuat demikian sekiranya perlu.



## PELAJARAN 42

### MENGHORMAT PANJI-PANJI

- Panji-panji pasukan dan panji-panji Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda adalah diwakili di dalam kebanyakan pasukan-pasukan. Oleh itu, panji-panji tersebut adalah berhak menerima hormat.
- Peraturan-peraturan berikut adalah sebagai panduan am dan tidak dimaksudkan untuk mengatasi perintah-perintah yang mungkin sedia ada di dalam rejimen-rejimen tentang penghormatan kepada panji-panji mereka sendiri.

#### Peraturan Am.

- Seseorang anggota apabila melihat panji-panji, hentikan kerja-kerjanya atau berhenti dari berjalan. Menghadap ke arah panji-panji dan memberi hormat.
- Sekumpulan anggota-anggota yang bekerja, berkawad atau berjalan hendaklah berhenti dan berdiri Sedia menghadap panji-panji. Pegawai dan PTT yang mengetuai kumpulan itu, memberi hormat kepada panji-panji.
  - Jika membawa senjata banet. Hendaklah dipasangkan banet dan memberi hormat senjata.
- Pengawal-pengawal hendaklah berbaris dan melakukan "*Hormat senjata*".
- Semasa berjalan di dalam atau keluar perbarisan, panji-panji hendaklah diterima dengan keadaan-buka barisan dengan banet dipasang dan senjata pada kedudukan hormat. Pancaragam atau dram hendaklah memainkan lagu.
- Dua pasukan, kedua-duanya membawa panji-panji, hendaklah melakukan pergerakan, "*Pandang kanan!*", di antara satu sama lain bila mereka melintas.
- Waktu bila sesuatu panji-panji tidak diberi hormat:
  - Apabila panji-panji itu di bawa oleh pasukan yang menjadi sebahagian dari pengiring di dalam sesuatu pengkebumian jenazah tentera. Hormat adalah diberi kepada keranda mayat.
  - Apabila panji-panji itu disarongkan.



## NOTA LATIHAN ASAS

- \* ILMU KEPENGAKAPAN
  - \* ILMU PERKHEMAHAN
  - \* ILMU PENGEMBARAAN
  - \* ILMU IKATAN DAN SIMPULAN
  - \* ILMU PETA DAN PANDUARAH
  - \* ILMU MASAKAN PERKHEMAHAN
  - \* ILMU KAWAD KAKI ALA TENTERA : KESATRIA
  - \* ILMU KAWAD TONGKAT PENGAKAP
- 
-